

Warkah-Warkah Sultan Buton Muhiuddin Abdul Gafur  
kepada Kompeni Belanda, Koleksi  
Universiteitsbibliotheek Leiden

SURYADI

ABSTRAK

*Salah satu koleksi yang menonjol dalam manuskrip Buton adalah warkah-warkah raja Buton yang dikirim kepada Kompeni Belanda. Kerajaan maritim yang berdaulat di bahagian timur Nusantara itu didirikan sejak abad ke-14 dan hapus pada tahun 1960 setelah berintegrasi ke dalam wilayah Republik Indonesia. Rencana ini membicarakan lima pucuk warkah daripada Sultan Muhiuddin Abdul Gafur, sultan Buton ke-26 (1791-1799) kepada Gubernur Jeneral Hindia Belanda di Batavia. Kelima-limanya, ditulis antara 1788-1798, itu tersimpan di Universiteitsbibliotheek (UB) Leiden, Belanda. Rencana ini menyajikan transliterasi kelima-lima warkah itu yang menyentuh beberapa aspek intrinsiknya. Melalui hasil transliterasi itu, penulis cuba membina kembali peristiwa sejarah di Kesultanan Buton zaman pemerintahan Sultan Muhiuddin Abdul Gafur.*

*Kata kunci: Warkah, Sejarah, Sultan Muhiuddin Abdul Gafur, VOC, Buton*

ABSTRACT

*A prominent collection of Butonese manuscript are those known as the Butonese royal letters. They were sent to local authorities in the Nusantara region, particularly those situated in the eastern part of the archipelago, as well as to the Dutch. A sovereign maritime kingdom situated in the eastern part of Indonesia, the Sultanate of Buton was established in the 14<sup>th</sup> century and disappeared as a polity in 1960 after it's integration into the Republic of Indonesia. This paper looks at five royal letters that Sultan Muhiuddin Abdul Gafur, the 26<sup>th</sup> Butonese Sultan, who reigned from 1791 to 1799, sent to the Dutch Governor-General of East Indies in Batavia. Written between 1788 and 1798, they are now preserved in Leiden University Library in the Netherlands. Herewith is presented a transliteration of these five letters, which touch on their intrinsic aspects. Through it, some historical events that occurred in the Sultanate of Buton during Sultan Muhiuddin Abdul Gafur's reign are reconstructed.*

*Key words: Letters, history, Sultan Muhiuddin Abdul Gafur, VOC, Buton*

## PENGANTAR

Koleksi warkah-warkah raja Buton adalah khazanah manuskrip Indonesia yang belum banyak mendapat perhatian daripada pengkaji. Dalam *Katalog Naskah Buton* koleksi Abdul Mulku Zahari, susunan Achadiati Ikram dkk. (Jakarta: Manassa [etc.], 2002), misalnya, dicatat sembilan puluh tujuh buah manuskrip Buton yang dapat digolongkan sebagai warkah. Banyaknya manuskrip warkah rasmi raja-raja Buton itu mencerminkan kekuatan Kesultanan Buton masa lalu, walaupun VOC pada mula-mulanya menganggap kerajaan itu tidak penting kerana miskin (Kielstra 1910:309).

Warkah-warkah Melayu adalah sasaran kajian ramai penyelidik, kerana isinya sangat berguna bagi pemahaman sejarah, politik, bahasa, seni dan kebudayaan masyarakat tempatan. Sehubungan itu, Annabel Teh Gallop (1992:1) mengatakan:

*Malay letter constitute an important resource for the study of political, diplomatic and economic history of the Malay world and for the historical development of the Malay language.*

Oleh kerana itu, transliterasi warkah-warkah dari pelbagai daerah di Dunia Melayu perlu digiatkan, agar isinya boleh diketahui dengan lebih luas dan dimanfaatkan untuk penyelidikan kepelbagaian bidang ilmu yang berkaitan.

Perhatian pengkaji kepada warkah-warkah Indonesia sudah lama muncul, khususnya di Barat, tetapi sampai sekarang warkah raja-raja Buton belum mendapat perhatian maksimal daripada sarjana. Sebelum munculnya kajian terhadap manuskrip warkah-warkah dari Nusantara sejak akhir abad ke-19, beberapa orang sarjana Belanda sudah menggunakannya sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu dalam beberapa buku pelajaran yang disusun untuk pendidikan bahasa Melayu dan huruf Jawi bagi kadet pegawai kolonial untuk dikirim ke Hindia Belanda. Demikian terbayang dalam kata-kata H. C. Klinkert yang pernah menyiapkan faksimili beberapa warkah Melayu untuk keperluan ini:

Hopende, dat deze verzameling moge blijken en bruikbaar hulpmiddel te zijn bij het onderwijs in de Maleische taal bied ik haar den studeerenden beleeft aan (Klinkert 1903; Klinkert (ed) 1899; Meursinge 1845, 1880 & Francis 1892).

Pada mula-mulanya, kajian itu terfokus kepada warkah-warkah rasmi dari kerajaan-kerajaan lokal yang dikirim kepada wakil-wakil penguasa kolonial Barat, terutamanya warkah-warkah yang disebut “*golden letter*” dan “*silver letter*” yang mempunyai iluminasi yang indah. Kemudian, perhatian sarjana meluas kepada warkah-warkah dari orang biasa dan jenis warkah lain seperti warkah perjanjian, warkah jalan, warkah izin berdagang, warkah surat-menyurat ilmiah, warkah kuasa dan warkah pagang gadai (Al Azhar & Putten 1992; Putten 2001; 2003a,b; Putten & Al-Azhar 1995; Laffan 2003; Zuriati [*in press*]). Mereka



tertarik kepada aspek intrinsik warkah-warkah dari Nusantara, seperti isinya yang tentunya mengandung maklumat sejarah, cap, iluminasi dan aspek sosio-linguistik (seperti gaya bahasa dan variasi tulisan Jawi) (Klinkert 1882, Juynboll 1899, Van Ronkel 1902 & 1946, Adam 1971, Ricklefs 1976, Jones 1981, Kratz 1979, 1987a,b & 1993, Gallop 1992, 1993, 1994, 1998, 1999 & 2002, Mu'jizah 1992, 2002 & 2004; Pudjiastuti 1999 & 2005a, Razak 1994a,b, 2001 & 2002a,b & 2004, dan Schulze 2002 forthcoming).

Pada tahun 1898, W. G. Shellabear membincangkan warkah seorang kapitan laut (*kapitalao*) kerajaan Buton dari abad ke-17 (kira-kira 1667), sekitar masa pemerintahan Sultan Buton ke-10, Sultan Adilik Rahim atau La Limbata atau Oputa Mosabuna (1664-1669). Warkah itu, bersama sejumlah warkah yang lain dari raja-raja Melayu yang dikirim kepada penguasa British dan Belanda yang kini tersimpan di Bodleian Library di Oxford, England (Ab. Razak 1994b:49). Sejauh yang diketahui itulah kajian ilmiah terawal, malah mungkin yang pertama, terhadap manuskrip warkah raja Buton (Shellabear 1898: 107-51). Antara sebab utamanya ialah koleksi manuskrip Buton lebih banyak tersimpan di Buton, khususnya di perpustakaan Abdul Mulku Zahari, seorang keturunan bangsawan Buton. Sepanjang pengetahuan saya, tidak banyak manuskrip Buton berada di luar negeri itu. Oleh itu, pengkaji luar negeri mendapati sukar untuk mengakses manuskrip Buton. Sehingga tahun 1980-an, belum ramai lagi pengkaji manuskrip, khususnya filolog, yang tertarik hati untuk datang ke Bau-Bau, bekas ibu kota Kesultanan Buton. Ini disebabkan ia terletak jauh di bahagian timur Indonesia dan bukannya kerana kesulitan mengakses kerana sifat "individualistic" dalam pengelolaan manuskrip-manuskrip Melayu, seperti yang dikeluhkan Ding (1987). Syukurlah koleksi manuskrip Buton di perpustakaan Abdul Mulku Zahari telah dikatalogkan Akhadiati Ikram dan kawan-kawan (2002), dan sebelumnya J.C. Anceaux yang juga sangat tertarik kepada bahasa-bahasa lokal di Buton. Dia telah membuat salinan foto dan mikrofilem yang kini disimpan di Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde (KITL), Leiden, dengan kode D Or. 854.

Kajian mengenai warkah-warkah dari bahagian timur Indonesia untuk penyelidikan filologi, epigrafi, linguistik dan sejarah, justeru lebih sering mengenai warkah-warkah raja Ternate. Ada beberapa warkah dari Ternate berasal dari awal abad ke-16. Ini mungkin menjadi daya tarikan ahli filolog, epigraf dan sejarawan untuk menelitinya, kerana mempunyai maklumat tentang kont(r)ak politik antara kerajaan-kerajaan peribumi Nusantara dengan orang Barat. Kajian itu telah dilakukan Blagden (1930: 87-101), Jusuf *et al.* (1980), Abdurrachman (1980:247-62; 1983:247-75), Wassing-Visser (1995), Gallop dan Arps (1991:39, 131) dan Gallop (2003a:400-11; 2003b:412-39). Saya mengucapkan terima kasih kepada Annabel Teh Gallop yang telah memberi saya maklumat tentang rujukan ilmiah mengenai warkah-warkah Ternate (e-mail pada 11 Mei 2005). Untunglah akhir-akhir ini, pengkaji lain sudah memberi perhatian kepada manuskrip warkah raja-raja Buton. Antaranya, Zahari



(1977), Gallop (2002: vol. 1, 127, 200-1; vol. 3, 497-500), Mu'jizah (2004), Pudjiastuti (2004) dan yang lain mengkaji manuskrip Buton di luar genre warkah, termasuk manuskrip undang-undang dan keagamaan (Yunus 1995a,b; Matry dkk. 1995/1996; Zuhdi 1998; Niampe 1998, 1999, 1999/2000, 2000, 2002; Ikram 2005).

#### MANUSKRIP WARKAH RAJA-RAJA BUTON DI UNIVERSITEITSBIBLIOTHEEK LEIDEN

Satu dari perpustakaan di luar negeri yang menyimpan manuskrip warkah raja-raja Buton adalah Universiteitsbibliotheek (UB) Leiden, Belanda. Di KITLV, Leiden, juga tersimpan sejumlah manuskrip Buton dalam bentuk mikrofilm dan fotokopi dalam bundel D Or.854. Manuskrip fotokopi itu meliputi keagamaan, undang-undang, catatan pentadbiran penjara selain banyak yang kabur dan sulit dibaca. Rupanya bundel itu dihebahkan Johannes Cornelis Anceaux (1920-1988) kepada KITLV. Walaupun tidak ada keterangan di mana manuskrip asalnya disimpan, tetapi besar kemungkinan Anceaux memperolehinya dari Buton (koleksi Abdul Mulku Zahari), sebab dijelaskan: "fotokopie betreffende het Sultanaatarchief". Beliau telah menulis beberapa rencana tentang Buton, khususnya tentang bahasanya, setelah tinggal di sana beberapa lama untuk melakukan kajian lapangan. Rencana ini hanya memberi perhatian kepada koleksi warkah raja-raja Buton yang tersimpan di UB Leiden, iaitu warkah-warkah Sultan Buton yang ke-26, Muhyiuddin Abdul Gafur (1791 [!] – 1799) yang dikirimkan kepada Gubernur Jeneral Hindia Belanda di Batavia. Di UB Leiden tersimpan lapan warkah raja Buton (Wieringa 1998:303-15), iaitu: (1) Cod. Or. 2333 (55)<sup>1</sup>; (2) Cod. Or. 2240-Ia (15)<sup>2</sup>; (3) Cod. Or. 2240-Ia (24)<sup>3</sup>; (4) Cod. Or. 2240-Ia (38)<sup>4</sup>; (5) Cod. Or. 2240-Ia (44)<sup>5</sup>; (6) Cod. Or. 2242-II (3)<sup>6</sup>; (7) Cod. Or. 2242-II (15)<sup>7</sup>; 8) Cod. Or. 2242-II (16)<sup>8</sup>. Warkah yang tertua telah ditulis pada tahun 1788 (warkah no. 6) dan yang termuda pada tahun 1802 (warkah no. 8). Kecil kemungkinan adanya manuskrip warkah raja-raja Buton lain yang tersimpan di UB. Katalog Iskandar (1999:85-88) juga menerangkan koleksi manuskrip Melayu di UB dan perpustakaan lain di Belanda, tetapi tidak mencatat adanya manuskrip warkah sultan-sultan Buton yang lain, selain dari lapan warkah yang telah disebut tadi. Lima daripada warkah-warkah itu adalah atas nama Sultan Buton ke-26, Muhyiuddin Abdul Gafur, iaitu warkah no. 2, 3, 4, 5, dan 6. Kelima-limanya berbahasa Melayu dan ditulis dengan huruf Jawi. Manuskrip-manuskrip Buton, termasuk warkah-warkah, umumnya ditulis dalam huruf Jawi berbahasa Wolio (bahasa utama di Kesultanan Buton) dan bahasa Melayu. Seluruh warkah itu termasuk koleksi "Rijks-Instelling" III di UB. Maklumat bibliografi tambahan manuskrip-manuskrip dalam Koleksi "Rijks-Instelling" bahagian ketiga ini (1878) dijelaskan Wieringa (1998:283) seperti yang berikut:



The 'Government Training College for Indian Civil Servants' (Rijks-Instelling tot Opleiding van Indische Ambtenaren) was founded in Leiden in 1864. In 1877 it was replaced in Leiden by a municipal institution which would continue to exist till 1891. The manuscript collection of the 'Rijks -Instelling' was transferred at several instances between 1871 and 1878 to the Library of Leiden University (Cod. Or. 1953-2055 [except Cod. Or. 1959, 2019 and 2025]) 2199, 2233 and 2229-2268.

Dalam beberapa katalog yang telah disebut tadi terdapat satu lagi warkah raja Buton yang tersimpan di UB Leiden, iaitu Cod. Or. 2240-II (9) (Wan Ali 1985:28; Wieringa 1998:384-85). Namun, warkah itu yang termasuk "*silver letter*", bukanlah warkah daripada raja Buton, tetapi daripada Sultan Abunasar Muhammad dari Banten bertarikh 11 April 1807 (Pudjiastuti 2005b:173). Menurut Pudjiastuti (2005b:173) kekeliruan ini agaknya bermula dari Juynboll (1899) yang tidak dikritik penulis-penulis dahulu. Juynboll dalam katalog susunannya itu menyatakan bahawa Cod. [Or]. 2240 koleksi UB Leiden adalah "*verzameling van Maleische brieven van Celebes en de Molukken*" (hlm. 313). Warkah dari Banten itu dapat dikesan dengan jelas daripada kolofonnya yang menyatakan "*kota Intan Surasupan [!]*" (Wieringa 1998:85), yang dimaksudkan ialah *Surasuwan*, iaitu nama lain untuk Banten zaman dahulu.

Rencana ini akan menyajikan transliterasi kelima-lima warkah Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur itu, memperkatakan beberapa aspek intrinsiknya dan menerangkan konteks sejarahnya, khususnya keadaan sosio-politik Kesultanan Buton pada masa pemeritahan Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur. Hasil transliterasi ini, paling tidak, akan membantu pembaca masa kini untuk mengetahui isi kelima-lima warkah itu, dan semoga bermanfaat pula untuk penyelidikan sejarah Buton, khususnya untuk lebih memperjelas dan juga rekonstruksi sejarah Buton semasa pemerintahan Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur yang telah ditulis sejarawan masa dahulu. Diharapkan pula transliterasi ini juga dapat dimanfaatkan pengkaji daripada bidang ilmu lain seperti linguistik, selain menambah bahan penyelidikan mengenai manuskrip warkah-warkah dalam khazanah kesusasteraan Melayu klasik.

## SOSIO-POLITIK KESULTANAN BUTON

Berikut ini adalah gambaran umum tentang sistem ketatanegaraan tradisional Kesultanan Buton yang menjadi konteks budaya dan sejarah kelima-lima warkah yang berkenaan. Buton dalam pengetahuan orang Indonesia moden (dan juga mungkin di Malaysia) sering dihubungkan dengan aspal, kerana bahan untuk pengeras jalan itu adalah hasil tambang yang utama di Buton. Pada tahun 1920-an insinyur Belanda menemui potensi aspal di Buton (Boethe 1928). Ternyata Buton memiliki sejarah yang panjang, lebih dari sekadar negeri penghasil aspal. Kesultanan Buton (atau Butun atau Wolio) dahulunya adalah sebuah kerajaan maritim yang berdaulat di bahagian timur Indonesia (Zuhdi 1999).



Wilayah Kesultanan Buton, yang terletak antara 121,40° dan 124,50° LS dan antara 4,20° dan 6,20° BT, meliputi gugusan kepulauan di jazirah tenggara Pulau Sulawesi, iaitu Pulau Buton (di sini terletak kota Bau-Bau di mana istana kerajaan dibina), Pulau Muna (atau Woena atau Pancano), Pulau Kabaena, pulau-pulau kecil antara Pulau Buton dan Muna (iaitu Pulau Tiworo, Tikola, Tobeya Besar dan Tobeya Kecil, Makassar [Liwotu], Kadatua [Kadatowang], Masiring, Bata Oga, Siompu, Talaga Besar dan Talaga Kecil), Kepulauan Tukang Besi (terdiri daripada Pulau Wangi-Wangi, Kaledupa, Tomia dan Binongko), Poleang dan Rumbia di jazirah Sulawesi Tenggara, Pulau Wowoni dan sejumlah pulau kecil lain yang terletak di sela-sela pulau tersebut dan tidak kelihatan di peta (*Encyclopaedie* 1917: 104-05; Zudi dkk. 1996:5; Yunus 1995a:22). Kepustakaan klasik mengenai Kesultanan Buton boleh dirujuk pada kajian Ligvoet (1878), Kielstra (1908), Elbert et al. (1911, 1912), Broersma (1930) dan Van den Berg (1939).

Cerita rakyat setempat mengisahkan bahawa Kesultanan Buton didirikan oleh pendatang dari Johor dan Sumatera (Abidin [1968]), kemungkinan perantau dari Minangkabau. Mereka disebut *mia patamiana* (empat orang), iaitu Sipajonga, Simalui, Sitamananjo dan Sijawangkati (Yunus 1995a:17). Namun, ada juga yang mengaitkannya dengan Sawerigading, nenek moyang mitos orang Bugis (Abidin 1968; Rasyid 1998:1-5,75-79). Pada mulanya, corak pemerintahannya berbentuk kerajaan yang diperintah dinasti Ratu Wa Khaa selama dua abad, bermula sejak tahun 1332. Menurut cerita rakyat Buton, Ratu Wa Khaa Khaa ditemui dari dalam bambu (Abidin 1968). Mitos kelahiran seorang puteri atau pangeran dengan motif seperti ini ditemui juga di tempat lain di Nusantara. Namun, ada juga versi lain yang mengatakan Ratu Wa Khaa Khaa adalah puteri Kubilai Khan dari Dinasti Mongol (Ircham M. 1999:48-49). Corak pemerintahan Buton itu berubah menjadi kesultanan pada tahun 1538 setelah rajanya Lakilaponto (raja ke-6) memeluk Islam dan disebut sultan pertama dengan gelaran Sultan Muhammad Kaimuddin 1 atau Sultan Murhum (Zuhdi et al. 1996:11; Schoorl 2003:15).

Kesultanan Buton adalah “sahabat” sejati Belanda sejak zaman VOC. “Persekutuan ‘abadi’ antara Buton dengan VOC” – meminjam kata-kata Schoorl (*Ibid*) - bermula sejak tahun 1613 ketika Kapten Apollonius Scotte, wakil Gubernur Jeneral Pieter Both di Batavia, mengikrarkan persekutuan abadi dengan Sultan Buton, La Elangi (*Corpus Diplomaticum* 1907: 1<sup>e</sup> deel, 104-08). Buton perlu mencari sahabat kuat seperti VOC kerana kerajaan itu selalu direbut dua kerajaan tetangganya yang ingin memperluaskan jajahan: Makassar dan Ternate. Persahabatan itu langgeng sampai VOC runtuh pada tahun 1669 dan terus berlanjutan sampai akhir zaman penjajahan Belanda di Indonesia. Sebagaimana yang terakam dalam warkah-warkah Sultan Muhyiuddin yang diperkatakan ini, persekutuan abadi itu menjadi landasan hubungan antara raja-raja Buton sesudahnya dengan Kompeni. Generasi raja-raja Buton penerus Sultan La Elangi dengan Kompeni selalu saling mengingatkan agar tetap memelihara persekutuan





abadi itu dan selalu berusaha “membaiki dan menetapi bunyi waad perjanjian yang lama daripada zaman yang dahulu sampai sekarang dimuliakan kepada dua pihak”: antara “Kompeni dengan Buton” (*Warkah B* baris ke-7 & 8).

Penduduk Buton terdiri daripada tiga kumpulan etnik: (1) suku *Wolio* yang mendiami Pulau Buton (pulau utama), bahagian selatan dan Kepulauan Tukang Besi dan pulau-pulau kecil di sekitarnya; (2) suku *Maronene* yang mendiami Pulau Muna, Kabaena, Buton bahagian utara, Poleang, Rumbia di jazirah tenggara Sulawesi; (3) suku laut *bajoe* (*bajau*) yang mendiami pesisiran pulau-pulau Buton, Muna dan beberapa pulau yang lain (Yunus 1995a:23). Orang Buton memiliki semangat bahari dengan corak kebudayaan yang berkaitan dengan laut dan adalah satu kumpulan etnik perantau di Indonesia (Southon 1995; Abdul Munafi dkk. 2002; Tenri & Sudirman 2002; Schoorl 1993:66-69).

Struktur masyarakat Buton masa dahulu terdiri daripada empat lapisan sosial. Pertama, golongan *kaomu* atau *kaumu* (kaum ningrat), iaitu keturunan garis bapak dari pasangan raja pertama. Laki-laki dari golongan ini mempunyai nama depan *La Ode* dan wanitanya *Wa Ode*. Kedua, golongan *walaka*, iaitu keturunan menurut garis bapak dari *founding fathers* Kerajaan Buton (*mia patamiana*). Mereka termasuk elit penguasa. Melalui sistem tertentu, lelaki *kaomu* boleh menikahi perempuan *walaka*. Ketiga, golongan *papara* atau disebut juga “orang gunung” (*Encyclopaedie* 1917:16), iaitu anggota masyarakat biasa yang tinggal di wilayah *kadie* (desa) dan masih merdeka. Mereka disebut juga *budak adat* (Schoorl 1986) dan dipertimbangkan untuk menduduki jabatan tertentu di wilayah *kadie*, tetapi sama sekali tidak mempunyai jalan kepada kekuasaan di pusat. Keempat, golongan *babatua* (budak) yang berhak diperjualbelikan atau dijadikan hadiah (seperti tercermin dalam bahagian penutup kelima-lima warkah yang diperkatakan). Laporan-laporan Belanda menunjukkan budak adalah antara mata dagangan yang utama di Buton. Hal ini sudah disebut Gubernur Jeneral Jan Pieterzoon Coen selepas dia berkunjung ke Buton pada tahun 1614. Dalam *Warkah C* (baris ke-20) juga disebut orang yang “terjual” alias budak. Maklumat lanjut tentang perbudakan di Buton masa lalu telah dikaji Schoorl (2003:104-7, 111-19) dan perbudakan di Hindia Belanda telah dikaji Reid (1983). Selain itu, terdapat dua lapisan antara *analalaki* dan *limbo*. Mereka adalah golongan *kaomu* dan *walaka* yang diturunkan darjatnya kerana melakukan kesalahan sosial dan berlaku tidak pantas sesuai dengan status sosialnya (Schoorl 2003:213-14).

Berdasarkan struktur pemerintahannya, wilayah Kesultanan Buton terdiri atas tiga bahagian (Yunus 1995a:v). Pertama, wilayah *wolio* atau keraton yang menjadi pusat pemerintahan dan pengembangan Islam ke seluruh wilayah kesultanan. Wilayah *wolio* hanya boleh dihuni golongan *kaomu* dan *walaka* (bangsawan). Kedua, “wilayah *kadie*” (wilayah di luar keraton, seluruhnya berjumlah 72 *kadie*) yang dimiliki golongan penguasa dan dihuni golongan *papara*. Ketiga, kerajaan-kerajaan kecil yang disebut “wilayah *barata*”, yang memiliki pemerintahan sendiri tetapi tunduk ke bawah kekuasaan pemerintah



pusat setelah ditaklukkan. Ada empat wilayah kekuasaan *barata* yang masing-masing dipimpin *lakina barata* dari golongan *kaomu*, iaitu:

1. Barata Muna yang berpusat di Raha, di pesisir timur bahagian tengah Pulau Muna;
2. Barata Tiworo yang berpusat di Tiworo;
3. Barata Kalingsusu (Kalincusu) yang berpusat di bahagian timur pulau Buton;
4. Barata Kaledupa yang berpusat di Kaledupa (Yunus 1995:22).

*Barata* harus membela Kesultanan Wolio melawan musuh-musuhnya. Lebih jauh mengenai kewajipan *barata* terhadap Kesultanan Wolio (Buton), (Schoorl 2003:92).

Kekuasaan pusat dipegang golongan *kaomu* dan *walaka* yang berkedudukan di Keraton Wolio di Bau-Bau. Mereka menjadi penguasa yang tertinggi untuk ketiga-tiga wilayah itu (*wolio*, *kadie* dan *barata*). Sultan sebagai penguasa yang tertinggi kerajaan itu dibantu beberapa pejabat yang tinggi di pusat dan pejabat-pejabat di daerah. Secara umum, birokrasi Kesultanan Buton adalah seperti yang berikut:

1. *Pangka* atau pejabat teras (*rijksgrouten*) atau dewan swapraja yang disandang golongan *kaomu* dan *walaka*, yang terdiri daripada (1) *sapati (kaomu)*, *kenepulu (kaomu)*, *lakina surowalio (kaomu)*, *lakina baadia (kaomu)*; (2) orang *kopitalao: kapitalao sukanayo* dan *matanayo (kaomu)*<sup>9</sup>, dua orang *bonto ogena* (menteri besar): *bonto ogena sukanayo* dan *matanayo (walaka)*.
2. *Sarana* (Dewan) *Wolio* terdiri daripada semua *bobato (kaomu)* dan *bonto (walaka)*.<sup>10</sup>
3. *Siolimbona* (sembilan kepala wilayah pemerintahan daerah) daripada golongan *walaka* yang menguasai adat dan bertugas menjaganya.<sup>11</sup>
4. *Sarana hukum* adalah badan yang mengurus dan mengawasi masalah yang berhubung dengan ajaran Islam dan ibadah. Mereka adalah *lakina agama*, *imamu* (imam) dan *hatibi* (khatib). Kesemua mereka berasal daripada golongan *kaomu*.
5. Kakitangan khas kesultanan meliputi *bonto inunca* atau kakitangan di istana (*walaka*)<sup>12</sup>; *bontona lencina kanjawari*, iaitu kakitangan khas yang membantu tugas-tugas tertentu (termasuk *Bonto Isana* dari golongan *walaka*); kakitangan yang lain iaitu: *juruba[ha]sa (walaka)*<sup>13</sup>, *kapita*, *sabandara (syahbandar) (kaomu)*<sup>14</sup> sebagai otoritas pelabuhan, *talombo* yang membantu *bonto ogena* (menteri besar) sebagai penyampai maklumat dan pengumuman penting dari sultan, *pangalasan*<sup>15</sup> yang bertugas membantu *bonto ogena* dalam mengumpulkan pajak (*weti*).<sup>16</sup>





Pentadbiran harian Kesultanan Buton dijalankan sepenuhnya oleh *pangka* dengan Sultan sebagai pimpinan yang tertinggi. Namun, dalam urusan yang penting, antaranya diplomasi ke luar, unsur *bonto* dan *bobato* wajib diajak serta dan dibawa berunding (lihat refleksinya dalam warkah-warkah dalam rencana ini). Kesultanan Buton dihapuskan pada tahun 1960 tidak lama setelah sultannya yang terakhir, La Ode Falihi, mangkat (Schoorl 2003:212).

## TRANSLITERASI

Berikut disajikan transliterasi kelima-lima warkah Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur. Berdasarkan sistem pengalihaksaraan huruf Jawi ke Rumi yang berlaku secara internasional, kata tertentu tidak boleh diubahsuaikan dengan ejaan Malaysia moden (misalnya, kata *karena* yang dalam transliterasi tidak mungkin diubahsuaikan menjadi *kerana*), sementara kata lain boleh diubahsuaikan dengan ejaan Malaysia moden (misalnya *iaitu* kerana huruf Arab boleh berkorespondensi dengan *y*, *i*, atau *e* dalam bahasa Melayu). Warkah-warkah itu diberi nama *Warkah A*, *Warkah B*, *Warkah C*, *Warkah D* dan *Warkah E* bagi memudahkan perbincangan. Penamaan itu berdasarkan urutan tahun dikeluarkan warkah-warkah itu, bermula dari yang tertua (1788) sampai yang paling muda (1798). Lihat Rajah 1.

Sebagai catatan pertanggungjawaban, transliterasi kelima-lima warkah itu dibuat untuk tujuan pembaca umum. Oleh itu, proses transliterasi yang bersifat teknis filologis akan cuba dielakkan. Hanya kata-kata yang tertentu, yang meragukan dan arkib, diturunkan edisi diplomatiknya dalam nota dengan tawaran berbagai kemungkinan pembacaan dari penulis.

Seerti yang diketahui, manuskrip warkah-warkah Nusantara dalam huruf Jawi amat kurang tanda baca: ayat demi ayat dan perenggan demi perenggan saling bersambung terus-menerus. Pengalihaksara menambahkan tanda-tanda baca, mengekplisitkan perenggan, yang maksudnya tidak lain supaya pembaca kini mudah memahami isi warkah-warkah itu. Untunglah dalam warkah-warkah Sultan Muhyiuddin ini terdapat semacam penanda perenggan, iaitu kata-kata seperti *syahdan*, *waba'dahu* dan *seperkara lagi* yang dicetak tebal oleh jurutulis istana Buton. Unsur-unsur lain dalam warkah-warkah itu yang dicetak tebal adalah: kepala surat, kata-kata pertama ayat pembuka dan pada bahagian yang tertentu, nama Gurnadur (Gubernur) Jenderal Hindia Belanda di Batavia ini agaknya dimaksudkan sebagai tanda penghormatan. Pengalihaksara mempertahankan cetak tebal itu dalam transliterasi. Angka dalam tanda kurung siku mengacu kepada nombor baris dalam versi manuskripnya (versi Jawinya). Penulisan kata ulang dengan memakai angka 2 dipertahankan. Tanda "<>" dalam teks transliterasi merujuk kepada adanya ditografi dan tanda "{ }" menunjukkan adanya haplografi.



Dalam kelima-lima warkah itu terdapat banyak istilah yang berhubungan dengan sistem politik dan pemerintahan Kesultanan Buton (seperti *bobato*, *pangalasan*, *jurubahasa*). Selain itu, terdapat juga banyak kosa kata bahasa Arab yang mencerminkan kuatnya pengaruh Islam di Kesultanan Buton. Kata-kata dan idiom-idiom dalam bahasa Arab yang ditemui dalam kelima-lima warkah itu dicetak mereng dan bersama nama-nama jabatan dan istilah-istilah lokal dalam struktur birokrasi Kesultanan Buton disenaraikan dalam *glosari*. Nama tempat dan orang yang disebut dalam kelima-lima warkah itu disenaraikan dalam *indeks*.

Penulisan beberapa kata adalah cukup unik. Ini barangkali disebabkan pengaruh dialek bahasa Melayu ke atas orang Buton atau ia mencerminkan keadaan bahasa Melayu yang sedang mencari bentuk semantik dan nahu yang boleh diterima orang Buton dalam tuntutan penggunaannya yang semakin meluas di Nusantara pada abad ke-19, yang masing-masing daerah dengan *speaking community* yang berbeza-beza menawarkan pelbagai kemungkinan. Misalnya, perkataan *bermaklumkan* kadang-kadang ditulis dengan kelainan *memaklumkan*. Demikian pula perkataan *pergi* ditulis *peragi* dan *tabi* tanpa huruf /k/ atau *glotal stop* di belakangnya: *tabik*. Selain itu, perkataan (pulau) Seram di Maluku ditulis *Seran* dan Surabaya (ibukota Jawa Timur) ditulis *Sarubaya*. Banyak ditemui kata kerja *memeri* dan *menengar*, bentuk afiksasi bahasa Melayu yang tampaknya arkib dan tua. Bentuk ini banyak ditemui dalam manuskrip Aceh dari zaman yang lebih awal (Ab. Razak 1994b) dan cenderung menghilang dalam manuskrip Melayu dari abad ke-19. Penulis belum dapat menjelaskan mengapa bentuk ini ditemui dalam warkah-warkah raja Buton. Penulis beranggapan mungkin golongan elit di istana Buton banyak membaca manuskrip Islam dari Aceh, mengingatkan Buton, seperti Aceh, kuat dipengaruhi Islam (Yunus 1995a,b). Hal itu tentu mempengaruhi pilihan bahasa jurutulis di istana Buton.

Beberapa ayat yang mengandungi unsur penggabungan dua perkataan yang bersinonim dengan struktur tertentu. Misalnya, (1) Arab-Melayu seperti ‘*waad perjanjian*’, ‘*kharij keluar*’; (2) Melayu-Arab, ‘akhir *al-satar*’; (3) Melayu-Melayu (yang kebanyakannya merupakan kosa kata pinjaman dari bahasa Arab dan bahasa-bahasa Eropah), seperti ‘warta khabar’, ‘usia-umur’, ‘pangkat darjah’ dan ‘terusan-astaraq’ (Suryadi 2005).

Kata-kata yang tertentu diberi tambahan fonem /h/ di belakangnya. Misalnya, perkataan *tuah* (untuk *tua*), *istanah* (untuk *istana*), *ayahandah* (untuk *ayahanda*), *Jawah* (untuk *Jawa*) dan *Walandah* (untuk *Walanda*). Juga ditemui inkonsistensi dalam penulisan kata *sudah*: kadang-kadang ditempatkan tanda *tashdid* (atau *shaddah*) di atas huruf *dal*, yang mestinya dibaca *suddah*. Juga kata *sedia* yang kadang-kadang ditulis *seddia* (dengan tanda *tashdid* di atas huruf *dal*), perkataan *khabar* ditulis *khabbar* (dengan tanda *tashdid* di atas huruf *ba*). Beberapa perkataan yang lain juga ditulis dengan tambahan tanda *tashdid*, misalnya, *telah* dengan tanda *tashdid* di atas huruf *lam* dan *tetapi* dengan tanda



*tashdid* di atas huruf *ta*. Tetapi fungsinya lebih sebagai penanda pepet untuk huruf /*e*/. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa tanda *tashdid* dalam penulisan manuskrip-manuskrip Melayu dalam huruf Jawi setidak-tidaknya mempunyai dua fungsi: pertama, untuk penanda konsonan ganda, dan kedua, untuk penanda *e* pepet. Meskipun demikian kebanyakan orang hanya tahu fungsinya yang pertama sahaja (Jones 2005).

Di bawah ini adalah transliterasi kelima-lima warkah Sultan Muhyiuddin itu.

WARCAH A : CoD.Or. 2242 -II (3)

*Qawluhu al-haqq,*

*Bahwa inilah warkat al-mahbat yang terbit daripada fuad al-ikhlas min-arrafiq daripada Paduka Anakanda Sri Sultan Muhyiuddin<sup>17</sup> [1] yang mempunyai tahta Kerajaan Balad Al-Buton natiasa<sup>18</sup> melayangkan kertas sekeping, dalamnya tabi banyak2 akan tanda hormat yang amat [2] takzim dan takrim, datang kiranya mendapatkan wahid darjah Paduka Ayahandah Kompeni Tuan He{e}r<sup>19</sup> Gurnadur Jenderal [3] di Betawi yang amat kuasa serta perintah atas keliling alam Tanah Jawah, dengan berlanjut usia umur zamannya dengan hidup yang sempurna [4] sampai ada kiranya berkekalan di atas martabat kebesaran dan kemuliaan di dalam dunia ini jua adanya [5].*

*Waba'dahu,* kemudian daripada itu adalah Paduka Anakanda Sri Sultan Raja Buton akan hal menunjukkan selamat [6] *al-mubarak* akan tanda berkasih-kasih dan berharap-harapan kepada Paduka Ayahandah Tuan Heer Gurnadur [7] dari karena Kompeni dengan Buton sentiasa berpandang-pandangan dan berkunjung-kunjungan pada antara kedua pihak [8] kita: Kompeni dengan Buton. Apabila ada suatu hal yang memeri kecederaan, janganlah kiranya hal menengar khabar [9] pada orang lain melainkan seboleh2 memegang *waad* perjanjian yang telah sudah biasa diperlakukan segala orang [10] tuah2 Kompeni dengan Buton pada zaman yang *mutaawalin* hingga pada masa yang *mutaakhirin*, jangan sekali2 [11] berubah dan *tagayyur* jua adanya. Suatu pun tiada tanda alamat *al-hayat* daripada akhir *al-satarnya* [12] hanya seorang buda {k} laki-laki akan dipesertakan dengan tabi banyak2, demikianlah adanya.

Tersurat di dalam Kerajaan Sri Sultan Raja Buton pada dua likur hari bulan Muharram pada hari Isnin di dalam Hijrat al-Nabi *Sal-alam*<sup>20</sup> seribu dua ratus tiga pada tahun H [13] [22 Muharram 1203 H. = 23 Oktober 1788].

WARCAH B: CoD.Or. 2240-IA (15)<sup>21</sup>

*Qawluhu al-haqq wa-kalamuhu al-sidq,*

*Bahwa ini warkat al-akram pada menyatakan tabi banyak2 akan tanda hidmat Yang Maha Mulia di dalam kandungan kertas sekeping, menunjukkan kasih mesrah yang sedia adanya daripada Paduka Anakanda Sri Sultan Muhyiuddin*



[1] raja Buton yang telah mufakat baharu, beserta dengan segala wazir orang besar<sub>2</sub>nya dan menteri<sub>2</sub>nya serta sekalian bobato di dalam daerah Negeri Buton, barang disampaikan Allah *Subhanahu wataala* kiranya datang mendapatkan ke bawah hadirat Paduka Ayahandah [2] Kompeni *Tuan Heer Gurnadur Jenderal* dan Direktur yang amat kuasa perintahnya pada selebar Tanah Jawah beserta dengan segala Tuan<sub>2</sub> Raden van India di dalam kota intan Betawi Bandar yang *kamaliyah*.

*Syahdan*, [3] yang telah beroleh limpah pertolongan Kompeni tatkala ia *kharij* keluar di Negeri Wilandah pada zaman awal yang *mutaqaddimin* hingga pada masa yang *mutaakhirin*, istimewa pula barang dilanjutkan usia umur zamannya dengan hidup yang sempurna di dalam dunia ini [4].

*Waba'dahu*, kemudian daripada itu adalah Paduka Sri Sultan dan wazir menteri<sub>2</sub>nya peri menyuruhkan Alperes<sup>22</sup> Ahmad dan seorang jurubahasa Inci Ali namanya serta teman<sub>2</sub>nya menumpang pada dua buah perahu padewakang akan [5] menyampaikan *nabazah* serta supaya maklum dan mafhum kiranya Paduka Dipertuan Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi pada hal menyuruh utusannya iaitu Syahbandar Raja Kamilanta<sup>23</sup> dan dua orang [6] menteri serta empat orang pangalasan dan dua orang jurubahasa pada enam buah perahu pergi<sup>24</sup> di Mangkasar akan membaiki dan menetapi bunyi *waad* perjanjian yang lama daripada zaman yang dahulu sampai sekarang dimuliakan kepada dua [7] pihak kita, Kompeni dengan Buton, tiada *munkotiq* dan *munfasal* serta tegahnya seperti adanya dahulu dan adanya sekarang. *Syahdan*, sehingga dunia habis. Sekarang ini Syahbandar Raja Kamilanta yang disuruhnya pergi ke Mangkasar telah [8] sudah ia pulang kembali ke Negeri Buton dengan selamat sempurna, tiada ia mendapat suatu cedera hanya jua adanya.

*Seperkara lagi*, Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri<sub>2</sub>nya bermaklumkan Paduka Yang Dipertuan [9] Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi akan hal peperangan kami dengan Negeri Kalincusu sekarang ini. Maharaja Sapati dan Kapiten Laut telah sudah dimenangkan Allah, dialahkannya Negeri Kalincusu jua adanya [10].

*Syahdan*, adapun Paduka Sri Sultan dan wazir menteri<sub>2</sub>nya serta ia melihat sudah kalah Negeri Kalincusu, lalu ia menyuruh Raja K-n-d-w-r-h<sup>25</sup> dan Menteri Katapi dan empat orang pangalasan dan seorang juru bahasa serta <teman> [11] teman<sub>2</sub>nya pada empat buah perahu yang pergi di Hujung Pandan pada tahun yang lalu hendak memberi maklum kepada Paduka Ayahandah Kompeni di Mangkasar, dipesertakan dengan lasykar seratus kapal yang dibawanya<sup>26</sup> ke Mangkasar jua adanya [12].

*Seperkara lagi*, Paduka Sri Sultan dan wazir menteri<sub>2</sub>nya bermaklumkan Paduka Ayahandah Kompeni Tuan Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi pada hal segala meriam<sub>2</sub> yang dimintanya oleh Kompeni [13] pada tiap<sub>2</sub> tahun di Negeri Buton adanya. Inilah Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri<sub>2</sub>nya serta dilihatnya dalam surat Paduka Ayahandah Kompeni sudah *ittifaqlah* sekaliannya dimintakannya harga segala meriam<sub>2</sub> ini.



Maka, dikira2kannyalah [14] dirinya tiada mendapat harga sebegitu banyak akan membelikan segala meriam2 yang dimintanya oleh Kompeni pada tiap2 tahun di Negeri Buton. Jadi, Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya pun dilepaskannyalah segala meriam2 [15] yang dimintanya oleh Kompeni pada tiap tahun ini di Negeri Buton dengan sempurna keridaan hatinya. Hanya tiap di Negeri Buton tiada ada perahu yang boleh memuat meriam2 ini melainkan perahu Paduka Ayahandah Kompeni jua yang boleh [16] memuat segala meriam2 ini jua adanya.

*Seperkara lagi*, Paduka Sri Sultan dan wazir menteri2nya memaklumkan Paduka Ayahandah Kompeni pada hal kami mendapat orang jauh dua orang yang ditangkap oleh orang Seran<sup>27</sup>, serta kami [17] melihat rakyat Kompeni, lalu ia Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya dikirimkannya kepada Paduka Ayahandah Kompeni di Betawi, telah sudah dalam tangan suruhan Alperes itu jua adanya.

*Seperkara lagi*, Paduka Sri [18] Sultan dan segala wazir menteri2nya akan hal memaklumkan Paduka Tuan Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi dari hal ada sebuah kici Kompeni empunya perahu datang di Ternate iaitu nama Lutenan Peter [19] H-k P-r-y-t-r-k-s<sup>28</sup>, adalah ia singgah di Buton dari sebab keputusan sekocinya.<sup>29</sup> Serta ia sampai di Buton, lalu Lutenan itu memberi tahu serta minta kepada Paduka Sri Sultan. Demikian perkataan: “Jikalau ada perahu yang boleh menjadi samping atau [20] ada sekoci di sini, maka seyogyanya Paduka Sri Sultan barang ada pun izin rodi tolongkan kiranya kepadaku membeli.” Maka, Paduka Sri Sultan serta menengar demikian perkataan Lutenan itu, lalu diberikannya satu sekoci jua adanya [21].

*Seperkara lagi*, Paduka Sri Sultan dan wazir menteri2nya bermaklumkan Paduka Tuan Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi akan hal sebuah lagi kici datang dari Serubaya<sup>30</sup>, supaya hendak [22] pergi ke Bandan. Adapun nama orang besarnya Heer Ke{e}s<sup>31</sup> namanya. Adalah ia singgah kemari di Buton pada tahun yang lalu, meminta tolong kepada Paduka Sri Sultan di Buton dari sebab estirmannya tiadalah mengetahui jalan Terusan Astaraq<sup>32</sup> Buton, supaya [23] keluar ia kepada pihak sebelah *masyrik*. Maka Paduka Sri Sultan serta dilihatnya perahu Kompeni dalam kesukaran, lalu ia menyuruh empat orang jurubahasa serta teman2nya empat puluh orang menumpang pada dua perahu akan menunjukkan jalan [24] kici Kompeni, demikianlah adanya.

*Seperkara lagi*, Sri Sultan dan Wazir menteri2nya bermaklumkan kepada Tuan Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi akan hal bendera Kompeni yang telah sudah dikirirkan [25] dahulu itu sudahlah ia buruk, mudah-mudahan barang ada kiranya dengan izin rodi oleh Tuan Gurnadur Jenderal hendaklah dikirim lagi satu bendera besar yang patut dipasang di atas kota serta dengan payung ubur2 yang tiga lapis [26] jua adanya.

*Seperkara lagi*, adapun jurubahasa terlalu lelah dan merasai tiada suatu bagian faedahnya, jadilah menyeru dengan sangat permintaannya kepada Tuan Gurnadur Jenderal karena biaya dalamnya satu buah [27] tiga belas Riyal, di



situ juga meminta barang satu keteng<sup>33</sup> tetapi jangan bertambah atau kurang biaya jua adanya. Apalah kiranya pada akhir *al-satar* hanya dua lapan orang lasykar, lain dari itu dua orang lasykar akan tanda alamat Gurnadur sendiri jua adanya [28].

Tersurat di atas tanah Buton, di dalam istanah Kerajaan Sri Sultan raja Buton, pada dua likur hari bulan Muharram pada hari Isnin di dalam hijrat al-Nabi *Sal-alam* seribu dua ratus enam pada tahun H.<sup>34</sup>

*Catatan:* pada margin sebelah kanan Cod. Or. 2240-Ia (15)/*Warkah B* ini terdapat *scholia* berupa dua baris tulisan tambahan yang ditulis berbalikan dengan teks induk (*main text*), bunyinya: “*Seperkara lagi, oleh Jurutulis yang baharu telah berpesankan kain [2] cita halus sekayu dan sekayu kain kasat<sup>35</sup> jua adanya*”. Rupanya isi *marginal note* ini adalah permintaan susulan yang terpaksa ditambahkan kemudian oleh jurutulis istana setelah kalimat penutup warkah (kolofon) dituliskan.

WARKAH C: CoD. Or. 2240-IA (24)

*Qawluhu al-haqq wa-kalamuhu al-sidq,*

*Bahwa inilah warkat al-ikhlas* yang di dalam kandungan kertas sekeping menzahirkan beberapa pengharapan yang amat setiawan beserta dengan kasih mesrah yang sempurna dermawan daripada Paduka Anakanda Sri Sultan Muhyiuddin raja Buton [1] berittifaq dengan segala wazir menteri2nya serta sekalian bobato di dalam daerah Negeri Buton, barang disampaikan kiranya ke bawah kursi Paduka Ayahandah Kompeni *Heer Gurnadur Jenderal* yang melengkapi kuasa kekerasan Kompeni pada sepanjang Alam Tanah [2] Jawah beserta dengan segala Tuan2 Raden van India yang mengiringkan dia di dalam kota intan Betawi *Darul Masyhur*.

*Syahdan*, adalah dipohonkan atasnya barang dikekalkan kiranya di atas martabat kebesaran dan kemuliaannya dan serta berlanjut usia umur zamannya dengan [3] hidup yang kesentosaannya di dalam dunia ini, mudah-mudahan kiranya pertambahan tali perdagangan pada antara Kerajaan Kompeni dengan Kerajaan Buton supaya ada kiranya sedia tetap dengan tiada sekali2 berubah dan bercerai dengan selama-lamanya jua adanya [4].

*Waba'dahu*, kemudian daripada itu dengan sempurna dan sebaik2 memeri maklum dan mafhum kiranya atas Paduka Ayahandah Kompeni *Heer Gurnadur Jenderal* dan segala Raden van India di Betawi perihal adapun surat Kompeni yang di dalam tangan [5] Alperes pada tahun dahulu dipersertakan dengan hadiah kirimannya satu payung ubur2 dengan bendera Kompeni, lagi beberapa rupa kain2 yang berbagai2 jenis warna, itupun telah sampailah kemari ke Buton dengan sejahteranya. Akan Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya [6] telah menyambut serta diterima kasih dengan sebagaimana perintah hormat yang sangat kemuliaan Negeri Buton yang telah mesrah biasa selamanya. Maka, peri kemudiannya apabila membuka gulungan kertasnya dan serta ia dibaca,





amat mengertilah dengan keridaan yang memeri sukacita dalamnya. Istimewa pula [7] maklum kiranya oleh Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi akan peri hal ihwal Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya telah mendapat untung celaka yakni Allah *Subhanahu wataala* menurunkan bala api kepada Negeri Buton. Adapun rumah [8] Sri Sultan dan sekalian rumah<sub>2</sub> yang lain pada sebelah Negeri Buton pada pihak sehari habislah hangus dimakan api, lagi beberapa gudang senjata negeri Buton seperti senapang dan obor dan pelor yang telah sudah hancur binasa, maka peri demikian jua adanya [9].

*Sebermula*, maklum kiranya oleh Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi, adapun Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya telah berhimpun<sub>2</sub> mengira<sub>2</sub>kan serta menuntut pada jalan istiadat yang benar betulnya, lalu ia menyuruh Menteri [10] Dete dan Menteri Wajo, serta empat orang pangalasan dan dua orang jurubahasa dengan teman2nya berkendara {a}n pada dua buah perahu supaya mendapat serta mengunjung ke bawah kursi Tuan Gurnadur Jenderal dan [11] segala Raden van India di Betawi.

*Tambahan lagi*, serta melayangkan kertas sekeping peri terlalu gelap hari kesusahan dalamnya oleh Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya, kepada pihak mana juga akan manalah permintaannya dan surat2nya [12] melainkan kepada Kompeni dari karena ibu-bapa kita yang sedia adanya. Maka, barang ada kiranya dengan izin kemurahannya oleh Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi hendaklah kiranya seboleh<sub>2</sub> memeri pertolongan seperti senapang dan obor dan pelor [13] barang seratus pucuk. Maka, jikalau ada hal kekurangan pada harga yang dibawa utusan itu karena dua puluh lasykar apabila tiada ia cukup hendaklah kiranya hal manalah dalam surat Kompeni yang dibawa utusan itu pulang ke Buton, demikian adanya.

*Seperkara lagi*, [14] maklum kiranya oleh Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi dari karena tersebut di dalam suratnya supaya hendak memeri peringatan, kami menyuruh utusan besar pergi ke Mangkasar supaya membaharui *waad* perjanjian yang selamanya. Akan peri hal itulah [15] Paduka Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya, barang ada tiada sesuatu hal yang melintang dia pada musim angin timur sekarang ini, adalah ia melakukan menyuruh dua orang bobato dan dua orang menteri akan pergi berlayar ke Mangkasar serta bersama<sub>2</sub> dengan Kametir Kompeni jua [16] adanya.

*Seperkara lagi*, maklum kiranya oleh Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi, yakni adapun dua orang Buton [19] dengan beberapa tahun lalu antaranya tinggal di Pulau Air akan nama negerinya Wajo, peri itulah Sri Sultan dari karena dia empunya lagi, tiada sekali<sub>2</sub> ia terjual, hanya tinggal saja. Maka peri itulah mudah-mudahan kiranya oleh Gurnadur Jenderal [20] di Betawi hendaklah kiranya hal menyuruh supaya memberikan pada utusannya itu jua adanya.

*Seperkara lagi*, maklum kiranya oleh Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi, adapun Paduka Sri Sultan telah adalah menyeru dengan

sangat permintanya [21] barang ada satu pedang sapati<sup>36</sup> yang telah dikirimkannya pada tangan utusan itu juga, yang betul punya mata, lagi pedang yang satu itu hendak disuruhkan supaya membaiki karena sudahlah hangus, dan lagi senapang buatan orang Palembang barang sepucuk jua [22] adanya yang bagus barang tujuh jengkal, demikianlah.

Apalah kiranya pada akhir *al-satarnya* hanya dua lapan lasykar laki-laki akan tandah alamat *al-hayat* kepada Kompeni, dan kepada Tuan Gurnadur Jenderal sendirinya dua orang jua adanya, dan lagi pula [23] cita halus barang dua kayu tanah putih berkembang hitam, dan gunting kertas dua, dan gunting kecil dua, dan pisau peruncim kalam dua, dan mata kucing yang terang dua, dan main2 cengki jua adanya [24].

Tersurat di atas Istana Buton di dalam kerajaan Sri Sultan Raja Buton pada dua puluh lapan hari bulan Rabiulawal pada hari Khamis di dalam hijrat al-Nabi *Sal-alam* seribu dua ratus tujuh pada tahun Jim.<sup>37</sup>

WARKAH D : CoD. Or. 2240-IA (38)

*Qawluhu al-haqq wa-kalamuhu al-sidq,*

*Bahwa inilah warkat al-mahbat* dipesertakan dengan tabi hormat *al-ta 'zim* dan *takrim* daripada Paduka Anakanda Sri Sultan Muhyiuddin raja Buton dengan segala wazir *muazzam* orang besar2nya dan menteri2 serta sekalian bobato natiasa mengandung hati terang [1] benderang, barang disampaikan Allah *Subhanahu wataala* datang kiranya mendapatkan ke bawah *qadam* kursi Paduka Ayahandah Kompeni *Tuan Heer Gurnadur Jenderal* di Betawi yang memerintahkan sekalian alam Tanah Jawah dengan segala Tuan2 Raden van India yang ada sertanya di dalam [2] <di dalam> kota Kompeni bernama Intan Betawi bandar yang *kamaliyah*.

*Syahdan*, dikekalkan Allah di atas pangkat *darjah* kebesaran dan kemuliaannya pada hal melakukan maksud kesukaannya *fi al-barri wa al-bahri* dan serta lanjut usia umur zamannya dengan hidup yang sempurna kabajikan dan [3] <dan> kesentosaan di dalam dunia ini, supaya ada kiranya teguh dan tetap hal pergantungan *habal wasiq* pada antara Kerajaan Kompeni dengan Kerajaan Buton boleh tinggal sedia *maujud daim* selamanya, *Amin Rabba 'l Alamin* [4].

*Waba 'dahu*, kemudian dari itu adalah Paduka Anakanda Sri Sultan Buton dan segala wazir menteri2nya akan hal menyuruh seorang anakandanya, iaitu Syahbandar di Buton, dan yang mengiringkan dia dua orang menteri dan empat orang pangalasan, dua jurubahasa [5] dan seorang na{k}hoda serta teman2nya pada sebuah perahu. Lalu ia menyampaikan surat maklum dan mafhum ke bawah *hadirat* Paduka Ayahandah Kompeni *Heer Gurnadur Jenderal* dan segala Raden van India di Betawi perihal adapun kami telah sudah menyuruh dua orang [6] bobato dan dua orang menteri serta empat orang pangalasan dan dua orang jurubahasa kepada empat buah perahu supaya hendak pergi ke Hujung Pandan akan membaiki dan meneguhi perkataan *waad* perjanjian selamanya di dalam



kontrak yang dibuat oleh Kompeni dengan [7] Tanah Buton. Maka, Paduka Ayahandah Kompeni di Mangkasar telah sudah dikabulkannya akan kami, pun sekalian menerima kasih kepada Ayahandah Kompeni dengan beberapa selamat umur panjang jua adanya. Istimewa pula betapa akan hal patutnya tiada ia membaiki dan meneguhi *waad* perjanjian [8] dari karena sudahlah bersabda segala orang tua2 kami di Buton, sudah ditalikan dan dipandangnyanya perpegangan di dalam alam dunia ini, akan memandang kepada matahari dan bulan dan empat persagi dan empat penjuru alam ini tiada mendapat hal perenggangan, yang tetap hanyalah kepada [9] Kompeni tali yang amat teguh lagi tiada berubah2. Maka, inilah Paduka Anakanda Sri Sultan dan sekalian Negeri Buton sentiasa berpegang kepada Ayahandah Kompeni yang amat kuasa di Bawah Angin<sup>38</sup> dengan setepat2nya sehingga dunia habis, demikian jua adanya.

*Seperkara lagi*, adapun Paduka Anakanda Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya bermaklumkan Paduka Ayahandah Kompeni Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi, adapun pada tahun yang lalu adalah datang Inggris dua lapan buah kapal di Muara Buton, mentanyakan Serani Walandah [11] hendak diambilnya. Maka, jurubahasa kami pun menjawab padanya: “Adapun Serani Walandah telah sudah berlayar ke Mangkasar, belum datang sekarang ini.” Maka, berkata Inggris: “Jikalau demikian nantilah pada bulan *Zulhajji* yang kemudian itu aku singgah kemari di sini nangkap Serani Walandah itu.” Maka, jikalau kamu [12] tiada memberikan Paduka niscaya ganaskan negeri kamu.” Maka, inilah Paduka Anakanda Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya, daripada kesukarannya dan ketakutannya telah sudah kami bertanya kepada Ayahandah Kompeni di Mangkasar, karena tiada sekali2 kami mendapat tipu daya di dalam akal kami [13] hendak melawan dia hanyalah kami hendak jua melarikan diri kami dan memberikan negeri kami daripada sangat hebatnya, tetapi utusan kami ke Mangkasar sekarang ini belum datang adanya.

*Seperkara lagi*, Paduka Anakanda Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya bermaklumkan [14] Paduka Ayahandah Kompeni Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi perihal sekarang ini sudah di dalam berperang dengan Negeri Wowoni antara tiga bulan. Segala raja2 dan menteri2 serta segala rakyat tiga ribu bilangan banyaknya yang pergi menyerang Negeri Wowoni telah banyak [15] mati dan luka, dan senjata sudah banyak yang rusak, dan obat<sup>39</sup> dan pelor sudah habis dalam perang kami. Jadilah Paduka Anakanda Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya dengan seboleh2 menyeru dengan sangat permintaannya yang amat kasihan hatinya di bawah kemuliaan [16] dan kemurahannya oleh Paduka Ayahandah Kompeni Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi. Maka, jikalau ada kiranya suka dan rida<sup>40</sup> lagi percaya kepada Negeri Buton, maka kami minta mau beli senapang barang empat ratus pucuk yang baik lagi bagus, dan obat [17] empat puluh pikul, dan timah dua puluh pikul dan batu api barang empat ribu bilangan banyaknya. Maka, akan harganya telah juga di dalam surat utusan itu, tetapi di dalam {h}ati



pun<sup>41</sup> permintaan kami jikalau boleh dengan bolehnya, maka seyogianya Paduka Ayahandah Kompeni ditolong kami, jangan kiranya [18] memeri sia-siakan permintaan kami ini, karena di dalam sukar Negeri Buton. Jikalau binasa Negeri Buton siapa lagi yang rugi dan yang bercinta melainkan Paduka Ayahandah kompeni jua adanya.

*Seperkara lagi*, Paduka Anakanda Sri Sultan dan segala wazir menteri<sub>2</sub>nya bermaklumkan [19] Paduka Ayahandah Kompeni Heer Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India di Betawi perihal adapun Negeri Papua dan Negeri Seran sudah berittifaq hendak menyerang Negeri Buton pada masa kehabisan daripada angin timur sekarang ini kehendaknya. Adapun jumlah bilangan [20] banyaknya selaksi<sup>42</sup> dua ribu orang yang menumpang kepada tiga ratus haluan perahunya. Maka, pada masa sekarang ini setengah telah sudah datang. Maka, peri yang diserangnya telah sudahlah empat negeri yang bernama Hawasangka<sup>43</sup> dan Wawoluw dan Lasalimu dan Kaedupa<sup>44</sup> serta dengan [21] perkataannya: “Dimana<sub>2</sub> negeri yang berpegang kepada Paduka Ayahandah Kompeni iaitulah akan hal kami hendak membinasakan dia”. Dan lagi, antara dua bulan ini telah sudah tiga kali yang membawa warta khabar yang *sadiq* kepada kami. Pertama, orang Bugis dan orang Buton [22] yang telah ditangkapnya, maka ia lari kemari di Buton bersama<sub>2</sub>, lalu ia membawa warta khabar kepada kami seperti demikian hal perkataannya: “Adapun orang Papua yang tiga ratus perahu dari sana tiada lagi lain perginya hendak menyerang Negeri Buton.” Demikian jua adanya [23]. Dan yang kedua lagi, orang Binongko yang telah lari kemari demikian lagi perkataannya: “Dimana<sub>2</sub> negeri yang sekarang ini yang ada berpegang kepada Kompeni Walandah yang tiada ia mengikut Inggris, maka betullah kami membinasakan dia.” Dan yang ketiga, warta khabar yang datang kepada kami akan [24] suruhan kami yang membawa surat kepada Gubernur<sup>45</sup> di Mangkasar suruh bawa kepada Heer di sana dari Ternate. Maka, peri tatkala ia kembali utusan kami ini, maka bersinggah dari Banggai dan serta ia sampai dari Banggai utusan kami, maka raja Banggai telah adalah berkirim surat [25] kepada Paduka Sri Sultan Buton dengan disuruhnya lagi utusan kami itu dengan segeranya kembali ke Buton. Demikianlah perkataannya: “Kembailah kamu lekas berdatap kepada Paduka Sri Sultan di Buton supaya diingatnya perahu yang tiga ratus di sana. Maka, tiadalah [26] lain melainkan ke Negeri Buton jua hendak diserangnya.” Maka, inilah Paduka Anakanda Sri Sultan dan segala wazir menteri<sub>2</sub>nya daripada sebab ia membayangkan hal permintaan kami ke bawah daulat kemuliaan Paduka Ayahandah Kompeni yang amat kuasa di Bawah Angin dengan [27] <dengan> seharap<sub>2</sub>nya hal permintaan kami ini dengan harap yang sempurna telah habis dinyatakan jua adanya, demikianlah.

Apalah kiranya yang ada pada akhir *al-satar* ini hanyalah bingkisan dua lapan orang laki-laki akan tanda alamat *al-hayat* dipesankan dengan tabi banyak<sub>2</sub> [28] dan lagi pula ada dua orang bodoh akan kiriman Paduka Sri Sultan sendiri datang kepada Paduka Tuan Gurnadur Jenderal sendiri jua adanya. Dan lagi adapun dipesankannya p-y-l-w-m<sup>46</sup> warna putih dan hitam barang dari cepiyau



dan p-y-w-l<sup>47</sup> yang baik satu [29], dan minyak cengke{h}, dan pisau peruncim kalam, dan kacamata, dan t-r-w-p-w<sup>48</sup> dua, dan kain antelasan<sup>49</sup> kira2 satu juba{h}, dan kain cinta Walandah<sup>50</sup> sekayu yang halus, dan suta<sup>51</sup> sekayu.

Tersurat di atas Tanah Buton di dalam Kerajaan Paduka Sri Sultan di Buton pada dua puluh lapan hari bulan Rabiulakhir pada hari Isnin di dalam hijrat al-Nabi *Sal-alam* seribu dua ratus sebelas pada tahun alif.<sup>52</sup>

WARKAH E : CoD.Or. 2240-IA (44)

*Qawluhu al-haqq,*

*Bahwa inilah warkat al-fariz* serta menyatakan tabi banyak2 akan tanda pengharapan muhibah *al-ikhlas* daripada Paduka Anakanda Sri Sultan Muhyiuddin raja Buton serta dengan segala wazir orang2 besar dan [1] menteri2nya, sekalian bobato, sentiasa mengandungi hati yang sebenar betulnya datang kiranya mendapatkan ke bawah *qadam* hadirat Paduka Ayahandah Kompeni Tuan Heer Gurnadur Jenderal yang mempunyai kuasa [2] perintahnya pada selebar alam Tanah Jawah serta dengan segala Tuan2 Raden van India yang ada sebicaranya di dalam kota Kompeni bernama Intan Betawi bandar yang *kamaliyah*.

*Syahdan*, dipohonkan atasnya barang dianugerahi jua kiranya [3] selamat dan sejahtera kekal di atas pangkat *darjah* ketinggian dengan melakukan tadbir perintahnya dan serta lanjut usia umur zamannya dengan hidup yang kesentosaan supaya ada kiranya berhubungan muhibah *al-rafiq* pada [4] antara saudara-bersaudara, istimewa kepada segala handai taulan yang terhala dengan kesukarannya jua adanya.

*Waba'dahu*, kemudian dari itu maka adalah Paduka Anakanda Sri Sultan dengan segala wazir menteri2nya amat [5] memeri kesukaannya dalam menyuruh seorang Menteri Dete serta dua orang pangalasan dan seorang jurubahasa dengan teman2nya berkendara pada sebuah perahu akan menyampaikan sekeping kertas ke bawah duli *hadirat* Paduka Ayahandah [6] Kompeni Tuan Heer Gurnadur Jenderal dan Raden van India di Betawi supaya *makruf* dengan sempurnanya peri kesusahannya yang amat *kabir* oleh Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya pada masa sekarang Kametir Kompeni [7] kepala *waad* perdamaian selamanya yakni telah luputlah dua musim lama antaranya oleh Kompeni tiadalah ia menyuruh datang kemari di Buton seperti kebiasaannya bergenap2 tahun adanya.

*Syahdan*, oleh Gurnadur Jenderal dan [8] segala Raden van India di Betawi, karena inilah sebabnya telah menaruhkan di dalam pikir sangkanya yang tiada sepatutnya kepada rakyat2nya oleh Negeri Buton sekarang adalah membawa dirinya kepada orang Inggris jua adanya.

*Sebermula*, adapun [9] Paduka Sri Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya terlalu sangat memeri dukacita dalam *fu'ad* adanya daripada sebab menengar seperti demikian sangkanya oleh Kompeni. Tambahan lagi, orang Buton dari



dahulu sampai masa sekarang tiadalah sekali2 [10] berpaling pada tempat lain2 melainkan kepada pihak Kompeni jua karena ibu bapa yang sedia adanya.

*Seperkara lagi*, Sri Sultan dan wazir menteri2nya telah adalah menyeru dengan sangat permintaannya kepada Tuan Gurnadur Jenderal [11] dan Raden van India di Betawi, mudah-mudahan barang ada kiranya akan hal manalah pengasih dan penyayang kepada sahabatnya yang kesukaran, hendaklah kiranya menyuruh Kametir Kompeni itu datang kemari, kalau2 ada ia hilang *waham*, dan [12] pikir oleh Kompeni lagi itulah yang asal dan pohon<sup>53</sup>, demikianlah. Istimewa pula Negeri Buton ini telah adalah tinggal di hujung tanjung apabila ada suatu mendatang dia seperti Kompeni empunya musuh jikalau tiada lagi memandang [13] dengan Kametir Kompeni, niscaya betapa daya dan upaya hal mengetahui sekalian pekerjaan kami yang telah ada ia dimufakatkan dengan pekerjaan Kompeni atau seperti musuh yang boleh dapat mengira2 akan dilawan<g><sup>54</sup> atau [14] tiada jua adanya.

*Seperkara lagi*, adapun Kompeni empunya perahu seperti kapal dan selup<sup>55</sup> telah putuslah di dalam tiga tahun lama antaranya tiada dalam memandang barang2 ada yang datang dari Betawi atau di Mangkasar atau [15] yang turun datang dari Ternate satupun tiada hal memandang betapa gerangan sebabnya oleh Kompeni kalau2 ia telah mendapat suatu mudarat yang amat *kabir*. Maka, peri itulah Sri Sultan dan wazir menteri2nya [16] amat pula memeri kesusahan serta dukacita dan warta khabar yang *mutawatir* tiada sekali2 didengarnya, demikianlah.


*Seperkara lagi*, pada bulan Muharram yang lalu telah menyuruh pula utusannya ke Mangkasar seorang [17] menteri akan membawa dengan sahaya warkat supaya menunjukkan hal kesusahannya kepada Tuan *Gurnadur* di Mangkasar dari karena pada kedua pihak Kompeni itu sangat satu juga adanya.

*Seperkara lagi*, Fetor Ternate [18] telah menyuruh utusannya kepada Paduka Sri Sultan di Buton akan membawa suatu surat dan suatu lagi tiada tahu akan isi dalamnya hendak meminta pertolongan supaya menyampaikan kepada Kompeni *Heer Gurnadur* [19] di Mangkasar, peri itu pun Sri Sultan sudahlah menyerahkan pula pada utusannya menteri yang pergi ke Mangkasar, demikianlah adanya.

*Seperkara lagi*, adapun surat Kompeni yang disampaikan oleh S{y}ahbandar pada [20] tahun dahulu serta hadiah kirimannya, beberapa jenis warna keadaannya, adalah Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya akan hal menyambut serta menerima kasih dengan beberapa keridaan hati yang sangat sukacita [21] dalamnya, seperti mana lagi perintah istiadat kembalinya Negeri Buton yang telah sudah diperlakukannya, demikianlah adanya.

*Seperkara lagi*, Sri Sultan dan segala wazir menteri2nya ada suatu mudarat kesusahan: Jurutulis [22] yang menyurat kiriman pada setahun2 adalah sakit, terlalu keras penyakitnya siang dan malam. Tetapi sekarang ini yang menyurat kiriman itulah anak2 yang da'if lagi bebal. Jikalau ada<h> yang mendapat salah






GAMBAR 1. Warkah B (Cod. Or. 2240-Ia [15])  
Koleksi Universiteitsbibliotheek Leiden

dalam [23] warkahnya ini perkataan yang lebih atau kurang, Tuan *Heer Gurnadur* yang memeri maaf serta izin keridaannya, demikianlah adanya.

Apalah kiranya tanda alamat *al-hayat* pada akhir *al-satarnya* hanya dua [24] <dua> lapan orang bingkisan kepada Kompeni dan dua orang kiriman kepada Tuan Heer Gurnadur Jenderal, demikianlah adanya. Dan lagi pula Paduka Anakanda Sri Sultan telah berpesan [25] payu {ng} ubur2 dan permadani dua, lagi senapan Kompeni dan *petola* sehelai jua adanya.





GAMBAR 2. Warkah D (Cod. Or. 2240-Ia [38])  
Koleksi Universiteitsbibliotheek Leiden

Tersurat di atas Tanah Buton di dalam kerajaan Paduka Sri Sultan pada dua puluh hari bulan Rabiulakhir pada hari Isnin di dalam hijrat al-Nabi *Sal-alam* seribu dua ratus tiga belas tahun. [Tanggal 20 Rabiulakhir 1213H itu = 1 Oktober 1798].





Warkah	Kode Manuskrip	Kolofon (Th. H.)	Konversi (Th. M.)	Diterima di Batavia
Warkah A	Cod. Or. 2242-II (3)	22 Muharram 1203	23 Oktober 1788	17 Oktober 1792
Warkah B	Cod. Or. 2240-Ia (15)	22 Muharram 1206	21 September 1791	9 Oktober 1792
Warkah C	Cod. Or. 2240-Ia (24)	8 Rabiulawal 1207	24 Oktober 1792	31 Oktober 1794
Warkah D	Cod. Or. 2240-Ia (38)	28 Rabiulakhir 1211	31 Oktober 1796	1 November 1796 [!]
Warkah E	Cod. Or. 2240-Ia (44)	20 Rabiulakhir 1213	1 Oktober 1798	24 September 1799

RAJAH 1 Warkah-warkah Sultan Muhyiuddin

CATATAN INTRINSIK WARKAH-WARKAH  
SULTAN MUHYIUDDIN ABDUL GAFUR

Rajah di bawah ini menunjukkan maklumat mengenai tarikh kelima-lima warkah Sultan Muhyiuddin itu:

Kelima-lima warkah itu tanpa iluminasi dan manuskrip warkah raja-raja Buton pada umumnya memang kurang iluminasi. Lihat Gambar 1 dan 2. Bahagian-bahagian yang tertentu dalam warkah sengaja dicetak tebal oleh jurutulis istana yang menuliskannya (lihat penjelasan pada catatan transliterasi). Kepala surat kelima-lima warkah itu berasosiasi dengan bentuk kapal layar. Bentuk ini juga ditemu di kepala surat dari beberapa daerah lain di Indonesia (Ab. Karim 2004:3-6). Boleh jadi bentuk itu dipilih kerana berkaitan hakikat masyarakat Buton sejak dahulu terkenal sebagai suku bangsa bahari. Sejak berabad-abad lalu orang Buton sudah mengharungi samudera luas, mengembara ke banyak tempat di Nusantara, seperti Malaysia, selatan Filipina dan utara benua Australia (Abdul Munafi & Tenri 2002:76). Tulisan di kolofon kelima-lima warkah itu cukup kaligrafis: penyalin memakai kaligrafi gaya *dewani jali* dengan huruf-hurufnya yang tergantung dalam dua baris (Ab. Karim 2004:16).

Kelima-lima warkah itu memiliki cap (*seal*) yang sama dan menggunakan tinta warna hitam. Penempatan cap sesuai dengan keterangan dalam kitab *terasul* (Anonim 1871:ff 11v-13r) dengan cap harus diletakkan di bahagian kanan warkah sejajar dengan baris yang pertama (Winstedt 1919:18). Cap kelima-lima warkah itu bentuknya bulat - salah satu dari banyak bentuk cap yang dikenal di Dunia Melayu (Ab. Karim 2004:8-13) dan termasuk bentuk cap Melayu yang paling tua di samping bentuk segi lapan (Yahya 1987:825; Gallop 1992:10) - dan kurang hiasan. Menurut Gallop (2002:I, 258) cap Melayu yang paling tua muncul sekitar tahun 1600. Cap yang tertua, ini berdasarkan kajiannya yang luar biasa tentang cap warkah-warkah dari Nusantara, adalah cap yang berasal dari warkah Sultan Alauddin Riayat Syah dari Aceh (r.1589-1604) (*Ibid*, p.259). Namun, menurut Bradell (1934:173) semacam cap dengan tulisan India kuno berhuruf 'Pallava' sudah dipakai di Perak sekitar tahun 600 A.D., dan menurut Wilkinson (1971:31) raja-raja Sriwijaya menggunakan cincin cap dalam warkah-warkah rasmi sebagai ganti tandatangan (Gallop 1993:1).

Terdapat tulisan yang melingkar di tepi lingkaran, dan di tengah-tengah ada tiga baris tulisan. Inskripsi pada tulisan yang melingkar berbunyi: “*Allahumma malik al-mulk tu’ti malik da’im bi-dawam al-bahir fi kull {al-} dahr madid*” (Gallop 2002: vol.1, 201), dan tulisan di bahagian tengah cap sebagai berikut:

“*Al-Sultan Muhyiuddin ibn Abdullah*”, yang menunjukkan siapa raja yang memerintah waktu itu. Lihat gambar 3. Nampaknya masing-masing raja Buton mempunyai cap atas nama sendiri. Jika raja diganti, cap kerajaan pun diganti pula. Namun, inkripsi yang melingkar itu tetap sama redaksinya; hanya redaksi inskripsi yang di tengah-tengah itu berubah-ubah sesuai dengan nama sultan yang memerintah.

D.58 #421; i.a  
Buton  
SULTAN MUHYIIDDIN  
r.1791-1799; 26th sultan of Buton; @ La Kopuru; Sultan  
Muhuyuddien Abdul Gafur (Zahari 1977:3.13)

// السلطان محي الدين ابن عبد الله //

اللهم مالك الملك توتي الملك داعم بدوام البهر في كل دهر مديد  
*al-Sultan Muhyiuddin ibn Abdullah // Allāhumma Mālik al-  
mulk tu’ti al-mulk dā’im bi-dawām al-bahir fi kull [al-]dahr  
madid*

‘The Sultan Muhyiuddin, son of Abdullah // “O God, Lord of Power (and Rule), You give Power” Qur’an 3.26) which lasts as long as there is light, throughout everlasting time’  
Border: // read from 30° anticlockwise facing inwards  
Shape: circle, with a border of dots; 53 mm  
3:26 5 impression(s); lampblack  
RUL Cod.Or.2240.Ia.15  
Letter to the Gov.-Gen. and the *Raad van Indië*, 22 Muharam 1206 (21 September 1791)  
Other examples: RUL Cod.Or.2240.Ia.24, 38, 44;  
Cod.Or.2242.II.3



GAMBAR 3. Cap (*seal*) Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur beserta transliterasi dan keterangan inskripsi tulisannya (Sumber: Gallop 2002:I, 201)

Gallop (*ibid*: 126-27, 200-1) telah memperkatakan cap kerajaan sultan-sultan Buton. Ia menunjukkan besarnya pengaruh Islam dalam inskripsi cap-cap dari kesultanan Buton:

[The] seals of at least six (and possibly seven) rulers [of Buton], over a period of two centuries from the mid-17th to the mid-19th centuries, all bear the same border inscription: *Allahumma malik al-mulk tu’ti al-mulk da’im bi-dawam al-bahir fi kull (al-)dahr madid*, ‘O god, Lord of Power (and Rule), You give Power which lasts as long as there is light, throughout everlasting time’. This is actually a paraphrase of a Qur’anic verse (3:260): *Allahumma Malik al-mulk tu’ti al-mulk man tasha wa-tanzu al-mulk mimmam tasha*, ‘O God, Lord of power (and Rule), You give power to whom You please, and You strip off Power from whom You please’. The emphasis on the transitory nature of worldly power in this verse has vanished in the seal inscription, in place is a paraphrase, of





exactly opposite intent, extolling the permanence of kingship bestowed by God...The Buton seals is an example of how a Qur'anic cloak can nevertheless be adapted ingeniously around even a non-congruent concept. (Gallop 2002; vol.1,201; cetak tebal dari teks aslinya).

Aspek instrinsik yang lain yang menarik adalah gelaran “Abdul Gafur” di belakang nama Sultan Muhyiuddin, nama Butonnya, La Kopuru atau Sangia Walangke, tidak pernah disebut-sebut. Kelima-lima warkah itu hanya menyebut: “Paduka Anakanda Sri Sultan Muhyiuddin raja Buton”. Hanya dalam cap ada tambahan gelaran: “Al-Sultan Muhyiuddin ibn Abdullah”. (Gallop 2002: vol.1, 127) menunjukkan bahawa beberapa dinasti kerajaan di Indonesia dahulu memakai kata Arab “*ibn Abdullah*” di belakang gelarannya yang ertinya: ‘anak dari pelayan Allah’. Jadi, Abdullah dalam konteks ini bukan nama ayah sang raja. Tradisi pemberian gelaran yang berbau Islam ini di belakang nama sultan-sultan Buton menunjukkan kuatnya integrasi agama Islam dalam sistem politik kerajaan ini. Menurut Tirmizi (1982:xv) cap adalah sarana untuk mengatakan keyakinan agama. Nampaknya sultan-sultan Buton sebelum Muhyiuddin pun memakai gelaran “*Abdullah*”, seperti dicatat oleh Gallop:

There is, however, another group of Royal Malay seals where the patronymic *ibn Abdullah* appears to be used in a generic sense and yet where it definitely does not designate the non-Muslim father of a Muslim convert. Five seals of four sultan's of Buton, dating from 1752 to 1821, are all round, with identical religious border inscriptions, and bear in the middle the regnal name of the sultan and the pedigree *ibn Abdullah* (# 1116, 1528, 421, 422) although all the rulers were born Muslim. To take just example, Sultan Thakiuddin II (r.1752-1759) was the son of Sultan Thakiuddin I (r.1712-1750) (Zahari 1977; 2.87,114,119), but his seal reads *al-Sultan Thakiuddin ibn Abdullah*, ‘the Sultan Thakiuddin, son of Abdullah (or: son of the servant of God)’. Thus the use of the patronymic *ibn Abdullah* appears to have been a tradition on the Royal seals of Buton, at least from the mid-18<sup>th</sup> to the early 19<sup>th</sup> centuries, perhaps for specific religious reason. (Gallop 2002: vol 1, 127).

Melihat kuatnya pengaruh Islam, khususnya tasawuf “Martabat Tujuh” di kerajaan Buton (Yunus 1995a,b), agaknya sinyalemen Gallop bahawa pencantuman gelaran bernuansa Islam dalam cap-cap kerajaan Buton itu kerana alasan yang istimewa yang bersifat keagamaan, jadi masuk akal. Van den Berg yang mengunjungi ibukota Kesultanan Buton, Wolio (Bau-Bau), pada tahun 1937 menerangkan perayaan *Idul Adha* (Hari Raya Haji) yang sangat meriah di Bau-Bau dengan Sultan dan jajaran pemerintahannya ikut secara aktif dalam pesta keagamaan itu (Van den Berg 1937).

Terdapat pula perbezaan yang cukup nyata pada kepala surat di kelima-lima warkah itu: kepala Warkah A dan Warkah E berbunyi “*Qawluhu al-haqq*” (perkataannya benar), sedangkan kepala Warkah B, C, dan D berbunyi “*Qawluhu al-haqq wa-kalamuhu al-sidq*” (perkataannya benar dan ucapannya dapat dipercayai). Walaupun kedua-duanya adalah bentuk kepala surat yang memang biasa dipakai dalam surat-menyurat antara “native rulers” dengan Gubernur



Jeneral atau sebaliknya (Wilkinson 1927:148 [Appendix]), namun pem-/perbezaannya oleh si pengirim barangkali mengandungi makna yang tertentu. Menurut Ab. Karim (2004:2) kepala surat memiliki makna estetika yang tertentu, di samping sebagai tanda pengenalan.

“Berdasarkan bentuk kepala surat, penerima warkah akan dapat mengenali warkah yang dikirim oleh seseorang pengirim” (*Ibid*: 2).

Namun, mungkin ada makna yang lebih mendalam lagi: per-/pembezaan redaksi kepala surat mungkin berkait pula dengan isi warkah. Walau bagaimanapun, kepala surat adalah bahagian dari keseluruhan teks sebuah warkah; sesuai dengan prinsip strukturalisme, unsur apapun dalam sebuah teks pada hakikatnya mempunyai makna. Warkah A dan Warkah E mengandungi nada penegasan, bahkan peringatan, dari pihak Buton kepada Belanda: pokok isi Warkah A adalah agar Kompeni setia dengan perjanjian yang sudah dibuat terdahulu dan jangan terpengaruh oleh hasutan-hasutan dari pihak ketiga yang tidak menginginkan hubungan Buton-Kompeni berjalan harmonis. Pokok isi Warkah E adalah mengingatkan Kompeni kenapa dalam tahun-tahun terakhir kurang memperhatikan Buton. Jadi, kurang lebih nadanya sama dengan Warkah A. Walaupun kedua-dua warkah itu diakhiri dengan sedikit permintaan hadiah, tetapi isinya mengesankan kesetaraan posisi dan bukan meminta belas kasihan ataupun bantuan.

Tiga warkah yang lain (Warkah B, C, dan D) berisikan maklumat yang pada intinya ingin menyampaikan kepada Kompeni bahawa Kerajaan Buton sedang menghadapi pelbagai masalah. Dengan kata lain, Buton sangat memerlukan bantuan daripada pihak Kompeni. Agar bantuan tercurah, Batavia harus diyakinkan dalam warkah, dengan kata-kata dan sejak dari kepala surat hal itu sudah harus dinyatakan. Oleh kerana itu, jurutulis di istana (atas perintah raja) menggunakan ayat “*Qawluhu al-haqq wa-kalamuhu al-sidq*” (perkataannya benar dan ucapannya dapat dipercayai). Dengan kalimat itu, Buton hendak meyakinkan Batavia bahawa mereka sangat menanti huluran tangan Kompeni. Ini semacam politik kata-kata dalam diplomasi antara penguasa lokal dengan penjajah Barat masa silam. Di akhir Warkah B, C, dan D juga banyak permintaan diajukan Sultan Muhyiuddin kepada patronnya, “Ayahandah Gurnadur Jendral”, di Betawi. Umumnya yang diminta adalah barang-barang mewah buatan Eropah. Sebaliknya, Sultan juga tidak lupa mengirimkan “bingkisan” beberapa orang budak kepada Gabenor Jeneral.

Kelima-lima warkah itu juga mencerminkan hubungan istimewa Buton-Belanda, yang – meminjam istilah Schoorl – memang menyiratkan adanya “persekutuan abadi” antara kedua-dua pihak. Dalam warkah-warkah itu, ada nada yang mengingatkan Kompeni agar tetap perduli kepada Buton, baik dalam keadaan damai apalagi dalam masa perang. Dari satu sisi, hal ini mencerminkan keperluan politik Buton terhadap Belanda sebagai penaung yang dapat melindungi mereka dari ancaman pencerobohan kerajaan-kerajaan di





sekelilingnya (seperti Makassar, Ternate, Papua, Seram) dan juga ancaman dari orang putih lainnya (seperti British). Dengan kata lain, ini mungkin mencerminkan sifat orang Buton yang selalu menjunjung tinggi falsafah adat mereka “*binci-binci kuli*” yang menurut cerita setempat diwarisi dari masa Sultan La Elangi (Sultan ke-4) yang pertama kali membuat perjanjian teguh dengan Belanda. Falsafah adat “*binci-binci kuli*” mengandungi empat butir prinsip hidup orang Buton, iaitu: (1) *Baabaana opomae maeka* (Pertama, takut-menakuti); (2) *Ruaanguaka, opopia-piara* (Kedua, pelihara-memelihara); (3) *Taluanguka, opomaa-maasika* (Ketiga, sayang menyanyangi); (4) *Pataanguka, poangkaa-ngakataka* (Keempat, hormat-menghormati) (Yunus 1995:30).

Kelima-lima warkah itu ditulis dalam jarak waktu 10 tahun (1788-1798). Ia bermakna bahawa Sultan Muhyiuddin mengirim warkah kepada Gubernur Jeneral rata-rata sekali dalam dua tahun. Ini menyatakan keterikatan politik Buton dengan Belanda di masa pemerintahan Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur, yang merupakan penerusan dari tradisi raja-raja Buton sebelumnya.

#### ‘BAYANGAN’ SULTAN MUHYIUDDIN ABDUL GAFUR DALAM WARKAH

Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur adalah Sultan Buton yang ke-26. Dari segi silsilah, beliau berasal dari garis keturunan *kaomu tanailandu* dengan moyangnya Sultan Dayan Ihsan ad-Din atau La Elangi, Sultan Buton ke-4, yang memerintah tahun 1597-1631 (Zahari 1977, III:13; Yunus 1995a:150-51). Nama kecil Sultan Muhyiuddin adalah La Kopuru. Nama Lainnya adalah “Moediddinen” [Moediddien?] dan Sangia Walangke (lihat Ligvoet 1878:86; Zahari 1977, III:13; Zaenu 1985; Yunus 1995a:150, 152; Harkantiningasih dan Riyanto 1995/1996:31; Zuhdi dkk. 1996: Lampiran 2b). Baginda meninggalkan takhta kerajaan kerana mangkat (Zahari 1977, III:13). Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur dimakamkan di Waolima, Kampung Baluwu, di kompleks Makam Sapati Baluwu, dalam Benteng Keraton, sekarang masuk Kelurahan Melai, Kecamatan Betoambari (Zahari 1977, III:13; Harkantiningasih dan Riyanto 1995/1996:33).

Ada perbezaan pendapat di kalangan sejarawan mengenai masa pemerintahan Sultan Muhyiuddin. Sejumlah literatur mengemukakan bahawa Sultan Muhyiuddin memerintah dalam tempoh 1791-1799 (Ligvoet 1878:86; Zahari 1977, III:13; Yunus 1995a:115,152; Harkantiningasih & Riyanto 1995/1996:31), sedangkan Zuhdi (1996) mengatakan beliau berkuasa pada tahun 1798-1803. Dalam warkah-warkah rasmi Sultan Muhyiuddin kepada Kompeni ditulis dalam masa pemerintahan dua orang “Heer Gurnadur” (Gubernur Jeneral) Hindia Belanda, iaitu Willem Arnold Alting (1780-1796) dan penggantinya, Petrus Gerardus van Overstraten (1796-1801) (Stapel 1941:68-71).

Transliterasi Warkah A membuat kita memikirkan kembali kedua-dua pendapat tadi. Kolofon Warkah A yang jelas dikirimkan oleh “Anakanda Sultan



Muhyiuddin” mencatat 22 Muharram 1203 H, bersamaan tahun Masehi 23 Oktober 1788 (Wieringa 1998:413; lihat rajah). Warkah itu sifatnya rasmi: menyebut nama Sultan Muhyiuddin sebagai pengirim dengan cap rasmi Kesultanan Buton atas nama dirinya. Lihat Gambar 3. Dengan demikian, ada kesan bahawa Sultan Muhyiuddin sudah memiliki kewibawaannya di istana Wolio sejak tahun 1788. Namun, masih kurang jelas bagaimana bentuk kewibawaan yang dimiliki Sultan Muhyiuddin waktu itu: apakah beliau sudah naik takhta atau menyandang jabatan lain? Memang ada hal yang aneh dalam Warkah A: unsur *bobato* dan pembesar istana (wazir dan menteri) tidak disebut-sebut, yang dalam empat warkah yang lain selalu disebut. Namun, keberadaan Warkah A paling tidak memaksa kita memikirkan kembali bila persisnya Sultan Muhyiuddin naik takhta.

Masih tinggal pertanyaan: dari mana mulai catatan sejarah yang menyatakan Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur mulai berkuasa tahun 1791? Boleh jadi hal ini bermula daripada karya Ligvoet yang terbit tahun 1878 - bermakna ditulis hampir 80 tahun setelah akhir pemerintahan Sultan Muhyiuddin - yang memang banyak dipetik sarjana sesudahnya. Mungkin Ligvoet berpijak pada salah satu warkah Sultan Muhyiuddin yang dikirimkan kepada Kompeni di Ujung Pandang dengan tarikh 3 Syawal 1205 H. (5 Juni 1791) yang tampaknya digunakan Ligvoet sebagai salah satu sumber primer untuk penulisan karyanya (hlm.86). Mungkin Lingvoet mendapati itulah warkah Sultan Muhyiuddin yang paling awal. Kuat dugaan penulis bahawa Ligvoet tidak mengetahui keberadaan Warkah A sewaktu dia menulis karyanya.

Kalau demikian, apa yang terjadi pada period 1788-1891 di istana Buton? Apakah ada dua sultan berkuasa di Buton pada period itu dan apakah itu dimungkinkan dalam undang-undang dan sistem birokrasi Kesultanan Buton? Apakah ada dualisme kekuasaan antara Sultan Azim Al-Din atau Alimuddin (La Masalimu), Sultan Buton ke-25, yang masa kekuasaannya cukup singkat (1788-1791) dengan Sultan Muhyiuddin, (calon) penggantinya? Jika memang Sultan Azim Al-Din yang memerintah pada 1788-1791, agak aneh pada awal pemerintahannya ada warkah rasmi Kerajaan Buton yang ditulis dengan mencantumkan nama Sultan Muhyiuddin dan dengan cap rasmi kerajaan atas nama dirinya (Warkah A), kecuali jika ada aturan dalam sistem hukum dan ketatanegaraan Kerajaan Buton yang memungkinkan hal itu dapat dilakukan.

Hanya samar-samar dapat dikesan dari huraian Ligvoet (1878) - banyak dipetik Zahari (1977, II:148-154) - bahawa Sultan Azim Al-Din memang mendapat tekanan politik dari dalam istana Buton. Besar kemungkinan Sultan Azim Al-Din dipaksa atau terpaksa turun takhta sebelum masa pemerintahannya berakhir. Zahari (*Ibid*:152) mengatakan ‘pemberhentiannya [Sultan Azim Al-Din] ini berhubungan erat dengan suasana dalam kesultanan pada waktu itu’, tanpa memberi maklumat yang lebih lanjut tentang apa yang telah terjadi di istana Buton pada tahun-tahun terakhir masa kekuasaannya. Mungkinkah



lengsernya Sultan Azim Al-Din dari takhtanya juga kerana campur tangan Kompeni? Wallahualam!

Tetapi, Sultan Azim Al-Din telah mengirim warkah kepada Kompeni di Makassar. Ia bertarikh “tiga likur hari bulan Safar tahun seribu dua ratus lima” (= 1 November 1790) dengan isinya meminta Kompeni untuk meninjau kembali beberapa pasal dalam perjanjian tahun 1766. Hal ini terakam dalam warkah balasan Kompeni kepada Sutan Azim Al-Din yang fotokopinya tersimpan dalam koleksi Abdul Mulku Zahari, Bau-Bau, Buton bertarikh 25 Februari 1791 (kode: 23/Jawi/18/4; koleksi Faoka Zahari, hlm. [1], baris 12-13). Saya berterima kasih kepada Jan van der Putten yang telah bermurah hati memberi fotokopi warkah tersebut, yang rupanya dikirimkan kepadanya oleh La Niampe (email, 18 Oktober 2005). Penjelasan dalam rencana ini yang menyangkut isi warkah tersebut didasarkan catatan yang dibuat Abdul Mulku Zahari yang dilampirkan pada fotokopi warkah itu dan juga atas pembacaan terhadap isi warkah tersebut yang transliterasinya sedang kerjakan. Warkah itu dihantar Syahbandar Raja Kamilanta beserta para pengiringnya dalam lima buah perahu. Mereka sampai di Makassar pada 17 November 1790.<sup>56</sup> Agak anih bahawa tidak lama selepas itu, pada bulan April 1891 Sultan Azim Al-Din turun takhta (Ligvoet 1878:86; Zahari 1977, II:151-52). Ada kemungkinan bahawa lengsernya Sultan Azim Al-Din ada kaitannya dengan warkah yang dikirimkannya kepada Kompeni itu, yang antara lain menyatakan bahawa Baginda tidak bersetuju dengan beberapa pasal baru dalam kontrak Perjanjian 1766 yang memberi autoriti yang semakin luas kepada Kompeni untuk menggerogoti kekuasaan politik Buton. Perjanjian 1766 itu adalah semakan daripada perjanjian 1613 yang mengikat persekutuan abadi antara Buton dan Kompeni. Menurut manuskrip kode: 23/Jawi/18/4 (hlm.[1] baris15-16), kontrak perjanjian yang telah disemak itu ditandatangani (‘dipersumpah’) pada 22 Maret 1766 (Ada sumber kedua yang menyebut pada 31 Januari 1667; rupanya tanggal ini merujuk kepada tercapainya persetujuan antara Sultan Buton dan Kompeni [*Corpus Diplomaticum* 1931: 2<sup>e</sup>, 364] yang intinya adalah bahawa Belanda memasukkan Kerajaan Buton ke dalam Pax Neerlandica. Perjanjian ini adalah perluasan dari kontrak perjanjian pertama antara Buton dengan Belanda yang ditandatangani pada 17 Desember 1613 yang mengikat persekutuan abadi antara Buton dan Belanda (Schoorl 2003:69, n.4). Maklumat tentang kedua perjanjian itu boleh dirujuk pada *Corpus Diplomaticum* (1907: 1<sup>e</sup> deel, 104-08 [lihat juga p.115-17]; 1931: 2<sup>e</sup> deel, 363-68); Schoorl (2003:19-20, 61-63).

Mungkin sejarah Buton yang agak kabur ini akan menjadi jelas seandainya kode: 23/Jawi/18/4; koleksi Faoka Zahari (Warkah balasan Kompeni terhadap warkah Sultan Azim Al-Din) ditransliterasikan secara lengkap. Warkah itu, setebal 13 halaman, ditulis Kompeni hanya sekitar dua bulan sebelum Sultan Azim Al-Din turun takhta. Seperti telah disebut tadi, warkah itu adalah balasan daripada Kompeni di Makassar kepada warkah Sultan Azim Al-Din yang dikirimkan pada 1 November 1790. Warkah balasan itu berintikan bahawa



Kompeni menganggap Sultan Azim Al-Din tidak mematuhi perjanjian yang sudah dibuat. Usulan Baginda untuk meninjau kembali isi Perjanjian 1766 yang memasukkan Kesultanan Buton ke dalam Pax Neerlandica tidak dapat diterima Kompeni. Sehubungan itu, Sultan Azim Al-Din ingin berunding lagi dengan Kompeni untuk menyemak Perjanjian 1766 itu. Baginda memberi alasan bahawa pihak Buton “tiada sekali2 ia diberitahu” mengenai isi perjanjian itu (hlm. [1] baris 14).

Kini agak nyata bahawa dalam warkahnya itu Sultan Azim Al-Din dengan tegas meminta pihak Kompeni untuk meninjau kembali Perjanjian 1766 yang isinya merugikan pihak Buton. Salah satu pasal dalam perjanjian itu yang tidak disukai Sultan Azim Al-Din adalah ketentuan bahawa setiap penggantian sultan Buton harus dilaporkan kepada wakil Kompeni di Makassar (pasal 28). Pasal itu juga mengatur bahawa pihak Buton wajib berunding terlebih dahulu dengan Kompeni mengenai setiap calon sultan baru mereka dan juga yang akan diturunkan dari takhtanya. Pasal ini jelas bertentangan dengan semangat perjanjian pertama Buton-Kompeni (Perjanjian 1613) dengan kedua-dua pihak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Jika dalam perjanjian 1766 Buton harus melaporkan setiap penggantian sultannya kepada Kompeni (yang mengisyaratkan pengetatan kontrol politik oleh Kompeni kepada Buton), maka masuk akal apabila Sultan Azim Al-Din yang ingin mempertahankan kebebasan Buton tidak dapat menerimanya. Dengan kata lain, Sultan Azim Al-Din menilai Kompeni sudah terlalu jauh ikut campur tangan dalam urusan politik internal Buton. Baginda cukup kritis dan tidak mahu tunduk kepada kemahuan Kompeni yang memang terkenal doyan kontrak. Kini, hampir 30 tahun kemudian, Sultan Azim Al-Din yang sedang berkuasa ingin agar kontrak perjanjian itu disemak lagi, melanjutkan protes para pendahulunya.

Nada warkah balasan Kompeni itu cukup keras, walaupun mereka akhirnya mahu menyemak pasal 28 dalam perjanjian baru itu. Kompeni kesal dengan Sultan Azim Al-Din yang mengatakan bahawa Baginda tidak tahu-menahu isi perjanjian 1766. Itu tidak masuk akal, sebab sudah berkali-kali pihak Kompeni dan pembesar Buton saling berkirim warkah membahas perjanjian itu, baik sesudah ‘dipersumpahkan’ atau sebelumnya. Anihnya, tidak lama selepas itu, Sultan Azim Al-Din turun takhta dan Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur naik takhta menggantikannya. Rupanya telah timbul ketegangan yang membahayakan hubungan Kompeni-Buton sampai pada tahun-tahun terakhir kekuasaan Sultan Azim Al-Din. Keadaan ini adalah warisan dari sultan sebelumnya: hubungan Buton-Kompeni sangat tegang dalam period pemerintahan Sultan Buton ke-20 dan 23, Himayatuddin, alias Oputa Yikoo alias Lakarambau (1751-1752 & 1760-1763). Seperti Sultan Azim Al-Din, Sultan Himayatuddin tidak mengindahkan isi perjanjian 1667 yang disemak Kompeni untuk kepentingan mereka sendiri. Selain itu, ada sebab lain pemicu ketegangan itu, iaitu peristiwa tenggelamnya kapal *Rustenwerk* milik VOC di luar pelabuhan Bau-Bau tahun 1752 yang kononnya diserang orang Buton.



Ada banyak versi cerita tentang sebab tenggelamnya kapal *Rustenwerk*. Cerita turun temurun di Buton mengatakan bahawa penduduk setempat menjarah isi kapal itu dan membunuh serta menawan kelasinya. Penumpang perempuan dan anak-anak dijadikan tawanan Sultan dan kemudian diIslamkan (A. Said, email 18-11-2005). Yang telah berlaku kepada kapal itu dapat dirujuk pada sebuah buku tua karangan Bernardus Mourik [ca 1753] yang sekaligus juga tercatat sebagai penerbit buku itu. Cerita dalam buku itu berdasarkan catatan harian seorang awak kapal yang nahas itu yang diambil dari arsip VOC. Buku tipis itu menceritakan kisah nahasnya dua kapal dari Eropah, iaitu *Le Prince* milik Perancis, dengan nakhoda 'Capitein Morin', yang mendapat kecelakaan kerana menabrak gosong karang Turk dekat Pulau St. Michiel, akibat badai di laut. Kejadian itu berlaku pada 26 April 1752 dalam pelayaran *Le Prince* menuju Pondichery di India. Cerita yang kedua mengenai kapal *Rustenwerk* milik VOC yang diserang di Buton pada 28 Juni 1752. *Rustenwerk* berangkat dari Belanda pada 30 September 1749 di bawah pimpinan Kapten Mazius Tetting dan pada bulan April 1750 sampai diperairan Ternate. Kisah nahas *Rustenwerk* terdapat pada halaman 15-34 buku itu dengan judul "Zee-reyze, Met verhaal nevens het AFLOOPEN van 't HOLLANDSCHE OOST-INDISCHE COMPAGNIE-SCHIP RUSTENWERK, voor 't EILAND BOETON, door de BOKKANEEZEN, in den jaare 1752" (Perjalanan laut, dengan sebuah cerita tentang diserangnya kapal VOC *Rustenwerk* di lepas pantai pulau Buton, oleh orang-orang Bugis pada tahun 1752). Kisahnya secara singkat sebagai berikut: Pada pukul 3 siang tanggal 28 Juni (hari Rabu) *Rustenwerk* yang sedang lego jangkar di luar pelabuhan Buton didatangi tujuh buah perahu berisikan orang Buton dan Bugis di bawah pimpinan *Macaffaren Vryman* (preman Makassar) yang bernama Frans Fransz (diilustrasikan dalam buku itu, hlm.27). Orang ini mewakili pihak yang berkuasa di Buton. Dia dan anak buahnya datang ke kapal itu untuk merundingkan perdagangan dengan Kompeni. Kedatangan mereka disambut awak kapal *Rustenwerk* bernama Andries Wylander dan Frans Franz dibawa menghadap kapten kapal. Rundingan itu berlangsung selama 5 jam diselingi makan dan minum-minum (juga minum *wine*). Namun, kemudian terjadi salah paham antara Frans Fransz dan kapten kapal. Frans Fransz dengan anak buahnya mengamuk di atas kapal itu. Akhirnya, kedua-dua belah saling menyerang dan membunuh dengan memakai pistol dan senjata tajam. Dua belas orang terkorban dalam kejadian itu dan para pengikut Frans Fransz menjarah isi kapal itu. Akibat peristiwa itu, hubungan Buton-Kompeni menjadi tegang. Kompeni marah dan minta ganti rugi dengan "[me]minta seribu kepalah budak" (meminta seribu orang budak) kepada pihak Buton (kode: 23/Jawi/18/4; koleksi Faoka Zahari, Bau-Bau, hlm.3 baris 21-22). Pihak Buton tidak dapat memenuhi permintaan itu dan akhirnya Kompeni menyerang Buton pada awal 1752 di bawah pimpinan Johan Benelius. Pada 24 Februari 1755, Kompeni menyerang Buton lagi di bawah pimpinan Kapten Johan Casper Rijsweber. Mereka menggempur Keraton Wolio, mengakibatkan tewasnya beberapa orang petinggi kesultanan, antara



lain *kapitalao matanayo* La Ode Sungkuabuso, dan beberapa orang *sapati* (A. Said, email 18-11-2005).

Masih kurang jelas apakah Kompeni ikut memainkan peranan dalam melengserkan Sultan Azim Al-Din dan menggantinya dengan Sultan Muhyiuddin. Walau bagaimana pun, Kompeni patut dicurigai kerana sudah jamak terjadi di zaman kolonial bahawa seorang raja lokal yang berusaha menghalang-halangi Kompeni akan menghadapi risiko politiknya: dilengserkan, baik secara terang-terangan, mahupun melalui konspirasi dengan pihak-pihak tertentu dalam kerajaannya sendiri, dan diganti dengan raja yang baru yang loyal kepada mereka. Berbicara tentang bagaimana Kesultanan Buton diperlemahkan, Schoorl (2003:102-7) hanya menyorot faktor-faktor intern (perbudakan, perompakan, menurunnya loyalitas golongan *kaomu* dan *walaka*) tanpa mempertimbangkan faktor luaran (termasuk peran Belanda). Jika dihubungkan kembali dengan pernyataan Zahari yang samar-samar, seperti yang telah dikutip tadi, nampaknya memang telah terjadi konflik internal dalam istana Wolio menjelang Sultan Azim Al-Din turun takhta, tetapi tidak terjadi kudeta. Kompeni menganggap Sultan Azim Al-Din tidak boleh diajak bekerjasama. Dalam warkah balasannya itu, Kompeni antara lain mengeluarkan nada ancaman:

*...adah juga kelak pada waktunya maka Kompeni menunjukkan kekuasaannya kepada kebenaran itu, akan menghukumkan dia seperti sebagian yang telah sudah jadi yang hampir lagi tanah Buton menjadi hancur (kode: 23/Jawi/18/4; koleksi Faoka Zahari, Bau-Bau, hlm.[6] baris 4-5).*

Agaknya ayat ini merujuk kepada penyerangan Istana Wolio kerana peristiwa kapal *Rustenwerk* itu. Tetapi, sebelum itu Buton juga sudah beberapa kali diserang Kompeni: salah satu peristiwa penting pada masa sebelumnya yang juga mengakibatkan merenggangnya hubungan Kompeni-Buton, iaitu peristiwa pembunuhan dan penawanan awak kapal VOC, *Veltzen*, di Pulau Wowoni oleh orang-orang Buton di bawah pimpinan *sapati* yang tidak taat pada perintah Sultannya. Peristiwa itu membuat Kompeni marah dan akhirnya mereka menyerang Buton pada tahun 1637-38. Penyerangan itu banyak menimbulkan korban jiwa, tetapi Kompeni tidak berjaya merebut Benteng Wolio (Schoorl 1991:32-34; 2003:30-31).

Besar kemungkinan warkah balasan Kompeni kepada Sultan Azim al-Din itu telah mencetuskan pertelingkahan di istana Wolio: sebahagian *kaomu* dan *walaka* yang menyokong Sultan Azim Al-Din menyatakan ketidaksetujuan mereka kepada Kompeni demi menegakkan maruah Buton, tetapi sebahagian yang lain mungkin menganggap hal itu akan merosakkan persekutuan abadi antara Buton dengan Kompeni. Jika Kompeni marah dan menyerang Buton lagi, Buton akan hancur. Dalam warkah-warkah yang diperkatakan ini dapat ditangkap kesan bahawa Sultan Muhyiuddin berusaha memperbaiki hubungan Buton-Kompeni yang memburuk itu. Nada Warkah A jelas menunjukkan keupayaan Sultan Muhyiuddin untuk meredakan ketegangan. Dalam warkah





itu dikatakan agar kedua-dua pihak menghilangkan rasa saling mencurigai, juga prasangka Kompeni bahawa Buton menjadi rapat kepada Inggeris (Warkah E baris ke-8). Sultan Muhyiudin mengingatkan bahawa hubungan baik antara Buton dan Kompeni harus berpijak pada persekutuan abadi yang telah dibuat dahulu. Sultan berharap Kompeni jangan mendengar khabar dari pihak yang ketiga yang mungkin bermaksud untuk menghasut.

Walau bagaimanapun, dalam surat-menyurat rasmi antara Sultan Muhyiuddin dengan Kompeni, seperti yang tergambar dalam kelima-lima warkah itu, sedikit banyak dapat dibina kembali keperibadian Baginda dan hubungannya dengan Kompeni. Dari transliterasi kelima-lima warkah itu dapat diketahui bahawa sepanjang masa pemerintahannya, Sultan Muhyiuddin menghadapi banyak masalah politik, sama ada yang bersifat dalaman dan luaran. Antara masalah dalaman itu adalah pemberontakan di Kalincusu dan Wowoni yang banyak memakan korban dan menghabiskan senjata Buton, sehingga Sultan memohon kepada “Gurnadur Jenderal” agar dapat menjual “senapang barang empat ratus pucuk yang baik lagi bagus, dan obat [bedil] [mesiu; Suryadi] empat puluh pikul, dan timah dua puluh pikul dan batu api barang empat ribu bilangan banyaknya” agar Buton dapat mempertahankan kedaulatannya ke atas kedua-dua wilayah itu (Warkah B dan D). Sebelum bulan Oktober 1792 juga telah terjadi kebakaran hebat yang menghanguskan kompleks istana Wolio dan pejabat kerajaan di sekitarnya serta gudang senjata (Warkah C). Seorang jurutulis Sultan yang handal juga sakit keras dan sampai bulan Oktober 1798 dilaporkan bahawa sang jurutulis masih terbaring lemah (Warkah E).

Walaupun Sultan Muhyiuddin menghadapi masalah dalaman, tetapi dari segi politik, nampaknya kedudukan Baginda selamat. Tidak ada pertanda adanya intrik politik di istana Wolio, apalagi yang mengarah kepada pengambilalihan kekuasaan (kudeta). Isi kelima-lima warkah itu juga menunjukkan hubungan yang baik antara Sultan Muhyiuddin dengan Kompeni, yang menjelang abad ke-19 makin memantapkan kuasanya di Kepulauan Nusantara. Sultan Muhyiuddin berusaha memperbaiki hubungan Buton-Kompeni yang tegang pada tahun-tahun sebelum baginda naik takhta. Selain itu, ada juga dikesani bahawa secara peribadinya Sultan Muhyiuddin lebih dekat kepada Kompeni berbanding dengan Sultan Azim Al-Din. Surat menyurat antara Baginda dengan Gabenor Jeneral di Betawi selalu diiringi pertukaran hadiah dan cenderamata. Sultan Muhyiuddin melaporkan dengan rinci setiap peristiwa politik yang terjadi dalam kerajaannya. Dapat dikesan bahawa dibanding pendahulunya (Sultan Alimuddin) yang kritis kepada Kompeni, Sultan Muhyiuddin tampak cukup mesra dengan penaung Eropahnya itu.

Langkah untuk mendekati diri dengan Kompeni adalah semacam strategi politik Sultan Muhyiuddin kerana Baginda menghadapi persoalan politik dalaman yang serius, selain ancaman dari luar. Ancaman luar yang terus menerus dirasakan Buton adalah perlumbaan pengembangan kuasa dari dua buah kerajaan besar jirannya: Ternate dan Makassar. Oleh itu, Sultan Muhyiuddin tetap



bekerjasama dengan Belanda, penaung utama yang sejak dahulu lagi telah melindungi mereka, kerana “memandang kepada matahari dan bulan dan...empat penjuru angin... hanyalah kepada Kompeni tali yang amat teguh lagi tiada berubah<sup>2</sup>” dan “sekalian Negeri Buton sentiasa berpegang kepada Ayahandah Kompeni yang amat kuasa di Bawah Angin dengan setepat<sup>2</sup>nya sehingga dunia habis”. (Warkah D, baris 9-10). Sultan Muhyiuddin juga tidak lupa mengingatkan Kompeni agar jangan mengabaikan Buton, baik dalam masa damai atau dalam keadaan terancam.

Ancaman luar juga datang dari orang-orang Seram (ditulis “Seran”) dan Papua. Sehingga Oktober 1796 sudah empat wilayah dalam kekuasaan Kesultanan Buton yang mereka serang, iaitu Hawasangka, Wawoluw, Lasalimu dan Ka{1}edupa (Warkah D). Dari warkah itu diketahui juga bahawa pada masa itu orang Papua dan Seram bersikap anti Belanda. Sultan juga agak khuatir dengan orang British yang sudah beberapa kali datang ke Buton dan mengancam akan mengenyahkan pengaruh Belanda dari sana (Warkah D). Ini memberi kesan kepada kita bahawa pada akhir abad-18 British dan Belanda bersaing keras di kawasan timur Indonesia dalam percubaan mereka untuk merebut peluang menguasai sumber rempah ratus di Dunia Melayu.

Isi kelima-lima warkah itu juga menunjukkan keperibadian Sultan Muhyiuddin. Baginda cukup ‘moden’ dan menyukai produk-produk Eropah mutakhir, seperti kaca mata, batu permata (mata kucing), gunting, kain-kain yang mahal harganya (*antelasan, cita, kasa<f>, petola, suta* dan *cinta Walanda*) dan kartu *cengki*. Gabenor Jeneral Kompeni di Batavia tidak segan-segan mengirinkan barang-barang mewah untuk dihadiahkan kepada Baginda. Dalam Warkah C (baris 6) Sultan Muhyiuddin mengatakan: Hadiah kirimannya satu payung ubur<sup>2</sup> dengan bendera Kompeni, lagi beberapa rupa kain<sup>2</sup> yang berbagai<sup>2</sup> jenis warna, itupun telah sampailah kemari ke Buton dengan sejahteranya”. “Rupanya bendera Kompeni dikibarkan di Istana Wolio, di sebelah bendera Buton, sebagai tanda persahabatan kedua-dua pihak. Sultan Muhyiuddin juga setia mengirinkan “hadiah” budak kepada Gabenor Jeneral, yang diambil dari golongan *babatua* dalam kerajaannya. Sultan sering mengirinkan 28 orang budak laki-laki - yang disebutnya “bingkisan” atau “lasykar” – kepada Gabnor Jeneral di Betawi. Mungkin ada makna yang tertentu di sebalik angka 28 itu bagi Sultan atau masyarakat Buton. Saya belum menemui jawapannya. Selain itu, ada kiriman satu-dua orang budak lagi yang merupakan hadiah peribadi Sultan kepada Gabenor Jeneral sendiri. Sifat Sultan yang suka barang mewah itu mungkin dimanfaatkan juga Kompeni untuk kepentingan politik mereka di Buton. Dalam banyak laporan Belanda di zaman kolonial dapat dikesani bahawa pemberian hadiah adalah sebahagian dari *trick* “penaklukan” (kebiasaan ini masih membudaya di kalangan orang Indonesia sampai sekarang). Melihat bukti-bukti tekstual ini, sukar bagi kita untuk tidak beranggapan bahawa ada campur tangan Belanda dalam mendudukkan Sultan Muhyiuddin ke atas takhta kuasa di istana Wolio.



Walau bagaimana pun, Sultan Muhyiuddin terkesan masih berwibawa dalam berhubungan dengan Belanda. Memang baginda terkesan lebih lunak (manut) dibanding pendahulunya (Sultan Azim Al-Din). Namun dalam beberapa kes, Sultan Muhyiuddin menunjukkan *dignity*-nya ketika berdepan dengan Kompeni. Misalnya, dalam kes meriam-meriam Belanda yang hendak ditarik dari Buton (Warkah B) dan juga ucapannya yang cukup tegas kepada Kompeni agar selalu menjaga hubungan yang baik dengan Buton berdasarkan Perjanjian 1613.

Bagaimana kita menilai fakta dalam warkah-warkah Melayu dari abad-abad lampau? Dalam konteks ini, ternyata bahawa ancaman yang disebut tadi benar-benar ada, tetapi mungkin juga ditambah dengan sedikit “buih” di dalamnya, untuk tidak mengatakan “jual kecap”. Menurut hemat penulis, warkah adalah teks yang sebelah kakinya berpijak pada fakta dan sebelah kaki yang lain berada di ranah fiksi. Sedar atau tidak, pemimpin Buton di zaman kolonial melakukan peniruan terhadap patron Eropahnya. Si pribumi hairan dengan kekuatan warkah/ kertas (satu benda yang belum begitu lama dikenal dalam kebudayaan mereka), kekuatan kata yang dituliskan, walau hanya beberapa baris sahaja.

Pada tajuk rencana ini, yang dipeti dari salah satu warkah Sultan Muhyiuddin, terefleksi kekuatan kertas dan sifat peniruan itu: ...Di dalam Kandungan Kertas Sekeping, Menzahirkan Beberapa Pengharapan yang amat Setiawan...” (Warkah C, baris 1). Si pribumi juga mengeksplisitkan tuntutan, janji, permintaan dan lain-lain di atas kertas, meniru cara orang Eropah. Pemimpin pribumi Buton telah menyaksikan sendiri betapa hanya dengan sehelai perjanjian, dengan berapa baris tulisan yang sering tidak mereka fahami isinya, dan dengan tanda tangan seseorang atau beberapa orang yang disertai cap, kuasa dan hak mereka atas tanah atau apapun yang sudah dimiliki turun temurun dapat diambil alih dalam masa yang singkat oleh orang putih. Dengan melakukan peniruan - mengirimkan warkah kepada Kompeni - kekuatan itu balik mereka serap, dan sedar atau tidak dimanfaatkan dalam rundingan mereka dengan penjajah Eropah yang memang memiliki *power* yang lebih kuat daripada mereka.

## PENUTUP

Jika warkah peribadi adalah “jendela hati” seseorang, maka warkah-warkah rasmi kerajaan, seperti warkah-warkah Sultan Muhyiuddin ini boleh disebut sebagai suatu “lorong waktu” (*time tunnel*) bagi kita kini untuk “masuk” ke dalam istana kerajaan di Nusantara masa lalu. Melaluinya, kita sedikit banyak mengetahui apa yang terjadi dengan raja dan tabiat kumpulan kecil kaum bangsawan yang mengelilinginya. Warkah-warkah itu adalah semacam “pintu rahasia” untuk melongok ke dalam lingkaran elit kerajaan lokal masa lalu.

Transliterasi kelima warkah yang dibahas dalam rencana ini telah memberikan kesempatan kepada kita untuk mengetahui hubungan politik Kesultanan Buton dengan kuasa luar dan berbagai peristiwa internal yang terjadi di Kesultanan ini, khususnya pada masa kekuasaan Sultan Buton ke-26, Muhyiuddin Abdul Gafur (La Kopuru; Sangia Lawalangke) (1791-1799). Kita juga dapat melihat *diginity* Sultan Muhyiuddin dan posisi tawar politiknya ketika berhadapan dengan Kompeni, juga masalah-masalah politik internal dan tentangan eksternal yang dihadapinya selama Baginda berkuasa. Dan melalui permintaan-permintaan hadiah kiriman yang diajukannya kepada sang penaung (De Heer Gabenor Jeneral di Batavia) dengan imbalan kiriman budak-budak. Juga dapat dikesan orientasi materialistis Sultan terhadap produk-produk mutakhir buatan Eropah. Jika masih ada simbol-simbol kebesaran Istana Wolio yang masih tertinggal sekarang, dengan lebih jelas kita dapat mengira-ngira dari mana asal barang-barang itu.

Transliterasi dan pengkajian ke atas warkah-warkah raja Buton itu perlu lebih digiatkan lagi untuk mengetahui isinya yang tentunya menyangkut banyak hal mengenai raja-raja dan kuasa mereka pada kerajaan Buton masa dahulu: intrik politik, perubahan rezim, susunan organisasi sosial kerajaan, peperangan dan aksi makar, aktiviti ekonomi, perjanjian, perdamaian dan sebagainya. Warkah A yang transliterasinya disajikan dalam rencana ini menghadirkan pekerjaan rumah bagi sejarawan untuk mendiskusikan kembali bila persisnya awal kekuasaan Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur. Tidak dapat disangkal bahawa manuskrip warkah raja-raja Buton adalah sumber pribumi yang otentik yang boleh menjadi pengimbang sumber-sumber asing (khususnya Barat) dalam kajian sejarah (lokal) Indonesia.

